



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3595]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 3625]

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 3625]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan)
[Ruangan 3625]

Rang Undang-undang Peruntukan di Raja (Pindaan) [Ruangan 3647]

Rang Undang-undang Pinjaman Luar Negeri (Pindaan) [Ruangan 3649]

Rang Undang-undang Lanjutan Kredit (Pindaan) [Ruangan 3661]

Rang Undang-undang Eksais (Negeri-negeri Tanah Melayu, Sarawak
dan Sabah) (Pindaan) [Ruangan 3662]

KANDUNGANNYA—(sambungan)

RANG UNDANG-UNDANG—(samb.)

- Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 3663]**
- Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) (No. 3) [Ruangan 3664]**
- Rang Undang-undang Menteri Muda (Pindaan) [Ruangan 3667]**
- Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah [Ruangan 3669]**
- Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan) [Ruangan 3673]**
- Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 3675]**
- Rang Undang-undang Kutipan dari Rumah ke Rumah dan Lorong-lorong (Pindaan) [Ruangan 3678]**
- Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) [Ruangan 3679]**
- Rang Undang-undang Perbandaran (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 3680]**
- Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur) [Ruangan 3688]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Khamis, 7hb Disember, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- „ Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI DATUK HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J. P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE. P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN Al-Haj BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan)
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

Yang Berhormat DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).

- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kinamis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P. P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA
(Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN,
S.S.M. P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.
(Sungei Siput).

- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK
BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI
BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Perusahaan Utama, Datuk HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD,
P.C.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K. S.M.K.
(Tumpat).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N.
(Kuala Kedah).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'AKUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasir Mas Hilir).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O.,
O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P.
(Menglembu).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS PULAU PINANG

1. **Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Jabatan Kastam dan Eksais Pulau Pinang masih menjalankan kerja mengikut sistem penjahih dengan memberi keutamaan dan keistimewaan kepada orang-orang Eropah dengan tidak memeriksa mereka tatkala melalui tempat pemeriksaan kastam, tetapi sebaliknya rakyat-rakyat Malaysia tidak diberi layanan demikian, jika ya, bilakah sistem seperti ini akan dihapuskan.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di Pertua, saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pegawai-pegawai Kastam di Pulau Pinang atau di mana-mana stesyen jua pun tidak memberi layanan yang istimewa kepada orang-orang Eropah. Sangkaan seperti ini mungkin diperolehi oleh beliau ataupun orang-orang yang telah memberitahunya daripada kebiasaan yang diamalkan sekarang oleh pegawai-pegawai kastam yang melonggarkan pemeriksaan atas pelancung-pelancung yang benar, yang kebanyakannya daripada orang-orang Eropah dan Amerika.

Tuan Mustapha bin Hussain: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Pemeriksaan Kastam di Butterworth adalah terlampau ketat dan teruk, khususnya terhadap pelancung-pelancung wanita daripada Thailand. Untuk menggalakkan pelancungan bolehkah pemeriksaan itu dilonggarkan sedikit?

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di Pertua, this supplementary question asks for something rather different to the original question. I agree that where genuine tourists are concerned, the Customs Department will try to be more relaxed in order to encourage tourists to come to this country.

BANK SIMPANAN PEJABAT POS— PENGELUARAN CUKAI

2. **Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menimbang mengecualikan orang-orang yang menyimpan wang di dalam Bank Simpanan Pejabat Pos daripada membayar cukai pendapatan sebagai satu daya perangsang kepada orang-orang kampung supaya menyimpan wang.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, saya tidak fikir langkah Kerajaan untuk memberi pengecualian cukai pendapatan ke atas faedah dari wang simpanan dalam Bank Simpanan Pejabat Pos itu akan memberi perangsang kepada orang-orang kampung untuk menyimpan wang. Ini ialah kerana kebanyakan penduduk-penduduk kampung tidak membayar cukai pendapatan atas sebab-sebab yang nyata dan apa-apa faedah yang mereka terima dari wang Simpanan tidak akan mengubah kedudukan itu. Cadangan memberi pengecualian cukai ini akan lebih menguntungkan orang-orang kaya sahaja. Pada pendapat kami kenaikan kadar faedah ke atas wang simpanan di Bank Simpanan Pejabat Pos lebih berkesan untuk menggalakkan orang-orang berpendapatan rendah terutamanya dari kawasan-kawasan luar bandar menyimpan wang dan ini telah pun diumumkan baru-baru ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Oleh kerana sekarang ini cara-cara simpanan wang di Bank Simpanan Pejabat Pos adalah dibuat dengan caranya yang tersendiri, yang bererti berlainan dengan cara-cara yang dibuat di bank biasa. Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan bercadang hendak mengubah cara-cara penulisan di dalam Buku Kira-kira Simpanan itu iaitu tiap-tiap masa penyimpan itu hendak menyimpan dan mahu mengeluarkannya di Pejabat Pos itu dengan tidak terbuka kepada orang yang di sekelilingnya yang bersama-sama penyimpan yang berhajat itu, adakah boleh berbuat demikian?

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan lain.

HAK MENDARAT MAS DI BRUNEI

3. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perhubungan menyatakan sebab-sebab mengapa hak mendarat di Brunei tidak diberikan kepada MAS dan samada beliau sedar

bahawa terputusnya perhubungan udara terus-menerus antara tempat-tempat di Malaysia dan Brunei menyebabkan kesukaran dan kesusahan penumpang-penumpang yang sentiasa pergi balik di antara dua buah negara ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, pemberian hak mendarat di Brunei kepada MAS adalah bergantung kepada perjanjian perkhidmatan udara di antara Malaysia dan United Kingdom. Oleh kerana Malaysia dan United Kingdom masih lagi mengadakan perundingan, maka sebab-sebab mengapa hak mendarat tidak diberi kepada MAS tidak dapat dinyatakan sekarang. Ini adalah untuk mengelakkan daripada terganggunya perundingan yang sedang berjalan sekarang ini. Kerajaan sememangnya sedar akan kesukaran yang menimpa penumpang-penumpang itu dan oleh kerana itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam istiadat pelancaran MAS pada 30hb September, 1972 telah menyebut perkara ini. Di samping itu MAS juga telah mengeluarkan iklan-iklan menyatakan perasaan dukacitanya kerana tidak dapat mengadakan penerbangan ke Brunei itu.

Tuan V. David: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa kita belum dapat menyelesaikan perkara landing rights di Brunei. Adakah atau tidak negeri Sabah ada satu perjanjian dengan Kerajaan Brunei atau Kerajaan British? Chartered Flights daripada Flying Club Sabah ada di sana dan dia mendapat landing rights di Brunei. Ini bagaimana, adakah negeri Sabah ada berunding sama dengan Kerajaan Pusat? Itu adakah satu perjanjian yang bebas antara Negeri Sabah dengan Brunei?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya tidak mahu jawab soalan itu, kerana itu adalah soalan Flying Club. Kalau hendak bertanya ialah berkenaan dengan MAS.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Jikalau misalnya perundingan di antara pihak Kerajaan Malaysia tidak dapat mengambil tindakan dengan Kerajaan British mengenai landing rights di negeri Brunei, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang pada masa yang akan

datang supaya penerbangan Fokker Friendship akan diextend ke Limbang dan Lawas bagi mengelakkan kesukaran yang ada pada masa ini dihadapi oleh rakyat Malaysia di Malaysia Timur?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, kita akan timbangkan nanti. Perundingannya belum putus lagi.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya nampak Yang Berhormat Menteri tidak mahu menjawab soalan saya. Soalan ini adalah mustahak kerana ia berkenaan dengan MAS. MAS tidak dapat satu perjanjian landing rights.

Tuan Yang di Pertua: Saya sudah terangkan dahulu, bahawa Menteri adalah berhak, samada dia hendak menjawab, atau tidak.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua, pada pandangan saya ada banyak khabar-khabar mengatakan Cathay Pacific Airlines dan MAS tidak mendapat satu perjanjian atau persetujuan. Dengan sebab itu MAS tidak dapat satu landing rights di Brunei.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya tidak boleh jawab, kerana perkara ini sedang dirundingkan sekarang.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua, bila perundingan itu boleh ditamatkan dan bila boleh dapat keputusan yang tetap?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Perkara itu masih dalam perundingan sekarang!

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, ini soalan yang mustahak, adakah Kerajaan Pusat sedar bahawa Flying Club di Sabah ada landing rights di Brunei, bagaimana dia buat perjanjian, barangkali Yang Berhormat Menteri tidak tahu. Kalau tidak tahu, sila beritahu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Samada saya tahu tidak, itu bukan soalan saya kepada Ahli Yang Berhormat, kerana ianya bukan national service; ini antara kelab dengan kelab—side line. Kita tidak boleh ambil tahu. Yang kita ambil tahu ialah berkenaan national service.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada pihak Kementerian yang berkenaan berhubung dengan perkhidmatan MAS diseluruh negara yang mana perkhidmatan MAS sekarang adalah, terhad di seluruh Tenggara Asia. Adakah rancangan bagi pihak perkhidmatan MAS ini akan dipanjangkan ataupun dilanjutkan umpamanya sehingga ke Timur Tengah kerana kita mendapat tahu perkhidmatan MAS sekarang membawa jemaah-jemaah haji. Ia hanya menjadi agen sahaja, tetapi perkhidmatan membawa jemaah-jemaah haji itu ialah daripada PIA ataupun Pakistan International Airline. Bilakah masanya bagi pihak MAS melalui penerbangan MAS sendiri daripada Malaysia ke tanah suci (Arab) sana akan diadakan?

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan lain.

Tuan V. David: Tadi Yang Berhormat Menteri kata side line, saya mahu tahu, adakah Yang Berhormat Menteri tahu tidak?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu siapa-siapa pun tahu, tetapi kita tidak boleh ambil recognisance. Biar dia terbang pergi ke sana ke mari, kita tidak boleh tahan dia.

PEMBINAAN JAMBATAN-JAMBATAN

4. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bilakah jambatan-jambatan akan dibina di semua sungai yang pada masa ini menggunakan feri, bagi mengelakkan malapetaka seperti yang berlaku di Parit Buntar—Bandar Baharu.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di Pertua, adalah menjadi satu polisi Kerajaan untuk menggantikan segala feri-feri menghubungi jalanraya Persekutuan dengan jambatan-jambatan. Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum iaitu jambatan-jambatan di Muar, Batu Pahat dan beberapa jambatan-jambatan lagi di Trengganu dan lain-lain Negeri telah dibina di bawah dasar ini.

Tindakan-tindakan sedang giat dijalankan bagi melanjutkan lagi polisi ini dengan menggantikan perkhidmatan-perkhidmatan

feri di tempat-tempat yang lain mengikut keutamaannya. Ini termasuklah pembinaan jambatan-jambatan baharu di Temerloh, Endau, Sabak, Jerantut dan Kuala Selangor. Bagi jambatan-jambatan di Endau, Sabak dan Temerloh, pembinaannya sedang berjalan dan yang lain adalah dalam berbagai-bagai peringkat rekabentuk.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, apabila trajidi di Sungai Krian telah berlaku kerana feri, maka pihak Kerajaan telah melantik satu Jawatankuasa Penyiasat, apakah keputusan Suruhanjaya Penyiasatan itu?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di Pertua, saya ingat itu soalan lain.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Oleh kerana pihak Menteri tidak ada menerangkan bila jambatan bagi menggantikan feri di Sabak Bernam hendak dibuat, tidakkah termasuk dalam apa-apa rancangan kerajaan?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Saya tidak berapa dengar apa dia soalnya.

Tuan Yang di Pertua: Cuba tanya sekali lagi.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Bila hendak dibuatkan jambatan di Sungai Sabak Bernam?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di Pertua, kalau saya tidak silap, saya sudah jawab kepada Yang Berhormat itu secara bertulis.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Adakah Kementerian ini sedar dalam masalah pembinaan beberapa banyak jambatan maka didapati selalu tergendala dan memakan masa beberapa tahun lamanya. Adakah Kementerian ini akan mempercepatkan pembinaan jambatan samada yang lama ataupun yang baharu bagi membuka tender-tender kontrek itu kepada kontrekter-kontrekter yang mahir supaya dapat mempercepatkan sedikit pembinaan jambatan di masa akan datang?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Perkara itu kita sedang jalankan sekarang, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga sedar iaitu ada satu lagi jambatan kayu di Route Satu iaitu Jalan Johor Bahru ke Pulau Pinang dan bilakah jambatan ini akan diganti?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Saya tidak ingat semua jambatan-jambatan (*Ketawa*) tetapi kalau sekiranya betul, saya akan siasat dan saya akan cecutkan mana yang boleh.

PERUSAHAAN MENGGUNAKAN TENAGA BURUH

5. Tuan Chan Fu King (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberikan satu laporan mengenai kejayaan ataupun sebaliknya kempen Kerajaan untuk menggalakkan penubuhan perusahaan-perusahaan yang menggunakan tenaga buruh secara intensif supaya dapat mewujudkan lebih banyak kerja bagi sebilangan besar penganggur-penganggur di negara ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di Pertua, kempen Kerajaan untuk menggalakkan penubuhan perusahaan-perusahaan perkilangan yang menggunakan banyak tenaga buruh untuk mengadakan lebih banyak pekerjaan telah pun berjalan dengan memuaskan. Semenjak dilancarkan Rancangan Malaysia Kedua hingga ke penghujung bulan Oktober, 1972, Kerajaan telah meluluskan 94 projek-projek perkilangan yang banyak menggunakan tenaga manusia. Daripada jumlah ini 50 ialah projek hotel dan 35 projek electronic components. Projek-projek ini dijangka akan memberi pekerjaan kepada 35,600 orang. Ini adalah perkembangan yang baik bila dibandingkan dengan sasaran untuk mengujudkan sebanyak 108,000 pekerjaan baru di dalam sektor perindustrian perkilangan dalam masa Rancangan Malaysia Kedua.

SYARIKAT MENTIGA FOREST PRODUCTS SDN. BHD.

6. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah tindakan yang patut diambil ke atas syarikat Mentiga Forest Products Sdn.

Berhad kawasan Perindasterian Peramu, Pekan, Pahang yang terang-terang menghalang bumiputra-bumiputra dari mendapat pekerjaan dalam perusahaan itu disebabkan perusahaan itu mengenakan syarat bahawa pemohon-pemohon untuk menjadi Kerani Jualan mestilah boleh bercakap sekurang-kurangnya dua lughat Cina.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Ramli bin Omar): Tuan Yang di Pertua, hasil dari penyiasatan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat adalah didapati bahawa Syarikat Mentiga Forest Products Sdn. Berhad ialah sebuah perusahaan yang baru dan akan memulakan operasi sepenuhnya pada awal tahun hadapan. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang, segala jentera dan peralatannya sedang disusun dan rangka tenagakerja yang ada sekarang ialah seramai 28 orang pekerja Melayu yang membantu 5 orang "Fitters" berbangsa Cina di bawah penyeliaan 3 orang asing. Berkenaan dengan Kerani Jualan yang akan diambil bekerja, adalah difahamkan bahawa kebanyakan daripada langganan organisasi tersebut ialah dari bangsa Cina dan ini nyatalah bahawa pengetahuan sekurang-kurangnya dua lughat Cina adalah mustahak untuk berhubung dengan mereka. Perkhidmatan Pekerjaan di Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat berhubung rapat dengan majikan dan segala usaha akan dibuat bagi menentukan bahawa komposisi tenagakerja di semua peringkat pekerjaan akan mencerminkan penyertaan kaum-kaum dalam Negara mengikut dasar Kerajaan.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Adakah Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri menanam modal dalam syarikat tersebut?

Tuan Ramli bin Omar: Itu, Tuan Yang di Pertua, soalan lain.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua, adakah Kementerian atau Menteri yang bertanggungjawab puashati berkenaan dengan pengambilan yang dikatakan tadi iaitu semua bangsa ada bekerja didalam kilang-kilang itu. Tetapi kerja itu ada bermacam-macam, dan kerja buruh, buruh kasar sahaja. Adakah Kementerian itu puashati, ada kerani, ada kerja-kerja yang tinggi untuk bumiputra di dalam syarikat tersebut?

Tuan Ramli bin Omar: Tuan Yang di Pertua, dasar Kerajaan bagi pengambilan pekerja-pekerja adalah mencerminkan berbagai curak kaum yang terdiri dari pengurusan sehinggalah ke buruh kasar.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Adakah Kementerian ini sedar bahawa dengan ujudnya syarat-syarat yang mesti seseorang itu mendapat, mengetahui dua bahasa Cina, baru boleh menjadi kerani jualan, maka ini bermakna menghalang orang-orang bumiputra ini menjadi kerani jualan.

Tuan Ramli bin Omar: Tuan Yang di Pertua, oleh sebab saya dah nyatakan bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat menekankan iaitu pengambilan pekerja-pekerja mestilah mencerminkan penyertaan kaum-kaum dalam negara mengikut dasar Kerajaan dan perkara itu tidak timbul, oleh kerana ini adalah terpulung kepada majikan-majikan, kalau 45% itu diambil orang-orang Melayu dan 40% Cina dan 15% India, terpulungkah kepada majikan-majikannya. Saya hanya menekankan dari segi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat bahawa mencerminkan berbagai-bagai kaumlah yang mustahak.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah bermakna bahawa orang-orang bumiputra itu layak menjadi buruh-buruh kasar dan tidak layak menjadi kerani-kerani jualan?

Tuan Ramli bin Omar: Tuan Yang di Pertua, tidak.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Bagaimana jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh, mengikut dasar Kerajaan; mengikut dasar di atas kertaskah atau dengan amalan? Sebab saya dapati kilang-kilang di Ipoh sana, beberapa banyak kilang-kilang yang besar hanya orang Melayu jadi buruh kasar sahaja. Jawatan-jawatan pentadbiran, kerani-kerani tidak ada, baik dalam Fraser & Neave, baik dalam kilang plastik dan lain-lain hanya diambil buruh kasar dengan gaji yang murah. Adakah dasar Kerajaan itu berdasarkan dengan amalan? Itu saya hendak tahu.

Tuan Ramli bin Omar: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan sekarang ini sedang dalam pelaksanaan untuk melaksanakan dasar itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua, saya bangun adalah menyokong mengenai perkara ini. Soalan saya adakah Menteri yang bertanggungjawab menghantar pegawai-pegawainya menengok segala-gala industri atau kilang-kilang yang memakai buruh-buruh, ada atau tidak orang Melayu bekerja di kilang itu, bukan cuma jadi hamba, tetapi juga jadi tuan, menjadi pegawai di dalam tiap-tiap kilang mengikut penduduk-penduduk di tanahair kita ini.

Tuan Ramli bin Omar: Berkenaan dengan pegawai-pegawai itu, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ada menghantar pegawai-pegawai melawat ke kilang-kilang yang berkenaan yang mana kilang-kilang itu yang kita telah dapat komplek dan kalaulah dapat daripada Ahli Yang Berhormat itu bekerjasama dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, bolehlah pegawai-pegawai Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat pergi melawat ke tempat-tempat yang tersebut.

Tuan T. S. Gabriel: Pekan Bayan Lepas ialah satu tempat perindustrian. Banyak permohonan-permohonan dibuat oleh penduduk-penduduk dalam kawasan itu yang lulus dari sekolah Melayu, tetapi syarikat-syarikat itu cuma pilih orang-orang yang berkelulusan daripada sekolah Inggeris Tingkatan Lima, Empat dan Sijil Pelajaran Rendah. Adakah Kerajaan sedar iaitu permohonan-permohonan dibuat oleh penuntut-penuntut dari pada sekolah Melayu tidak ditimbang oleh syarikat-syarikat, dan apakah langkah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan ambil?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di Pertua, soalan yang asal mengenai syarikat di Pahang, tetapi soalan ini mengenai syarikat di Pulau Pinang, jadi itu adalah soalan lain.

Tuan T. S. Gabriel: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menjawab soalan mengenai perusahaan dari Ipoh dan sebagainya (*Ketawa*) dan oleh kerana perkara ini mustahak, saya berharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab juga.

Tuan Haji Ramli bin Umar: Tuan Yang di Pertua, Kementerian ini akan mengambil apa-apa perhatian atas perkara ini.

Datuk Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Tuan Yang di Pertua, kalau tak silap saya, dasar Kerajaan untuk mengseimbangkan pekerja-pekerja berbagai kaum di negeri ini ialah 40% Melayu, 40% Cina dan 20% India, kalau tidak silap saya, kalau salah betulkan. Jadi untuk melaksanakan tujuan ini dengan mendapatkan 40% orang-orang Melayu dalam berbagai lapisan daripada buruh sampai kepada setinggi-tingginya, ke tingkatan pengurusan, adakah Kementerian Buruh sedar berlakunya kerumitan-kerumitan seperti pengambilan pegawai-pegawai Kerajaan dengan tawaran gaji yang terlampau tinggi iaitu pegawai-pegawai dalam lapangan yang penting dalam perkhidmatan Kerajaan, untuk memasuki lapangan swasta dan dengan itu barangkali boleh jadi merugikan kepada perkhidmatan Kerajaan kerana berlakunya pelarian pegawai-pegawai Melayu yang pandai-pandai. Yang keduanya pula . . .

Tuan Yang di Pertua: Soalan tambahan yang pertama pun tak berapa jelas lagi.

Datuk Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Apakah langkah Kementerian Buruh untuk mengatasi supaya semua tingkatan dari bawah hingga ke atas daripada buruh hingga sampai ke tingkatan pengurusan yang 40% itu diuntukkan kepada bumiputra dapat dipenuhi dengan mencari jalan supaya bumiputra yang berkebolehan dapat memasuki lapangan itu terutama tingkatan-tingkatan atasan oleh sebab selalu berbangkit misalnya banyak orang Melayu hanya masuk jadi buruh, jadi pion, jadi pegawai rendah, sedangkan tingkatan yang atas tak dapat, kerana kekurangan pengalaman dan sebagainya. Apakah tindakan untuk mengatasi perkara ini?

Tuan Haji Ramli bin Umar: Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ada mempunyai tempat-tempat latihan yang dinamakan ITI dan juga MARA (ITM). Jadi di situlah tempat-tempat yang mana Kementerian ini akan mengadakan latihan untuk mendapatkan pekerja-pekerja mahir sebagaimana yang dimaksudkan dengan soalan tambahan Ahli Yang Berhormat tadi. Dan ada satu lagi tempat latihan yang akan siap di Seberang Prai tidak berapa lama lagi yang mana didirikan untuk melatih pekerja mahir di sana.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Jika sekiranya didapati Kerajaan Pusat atau Kerajaan Pahang ada mempunyai saham dalam syarikat-syarikat itu sanggupkah Kerajaan memberi arahan atau menjalankan kuasanya sebagai pemegang saham mengarahkan supaya perkara ini dapat diperbetulkan.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sentiasa mengambil perhatian atas perkara ini.

PENANAMAN TEMBAKAU— RANCANGAN MELUASKAN

7. Dr A. Soorian minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) samada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan bagi meluaskan penanaman tembakau di negeri ini, dan jika ya, bagaimana pula dengan seruan yang mengatakan menghisap rokok itu adalah merbahaya kepada kesihatan;
- (ii) di setengah-setengah negara, semua bungkusan-bungkusan rokok mengandungi pelekatan amaran misalannya "Merokok boleh merosakkan kesihatan". Bolehkah Kerajaan menimbangkan dan mengarahkan pembuat-pembuat rokok supaya melekatkan pelekatan-pelekatan amaran yang sama di Malaysia; dan
- (iii) bolehkah Kerajaan menimbangkan bagi mencegah iklan-iklan rokok melalui siberan am misalannya di setengah-setengah negara iklan-iklan rokok dilarang di akhbar-akhbar.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua,

- (i) Kerajaan telahpun melantik sebuah jawatankuasa untuk mengkaji perusahaan tembakau dalam negeri ini dengan tujuan untuk menentukan dan mengawal penanaman tanaman ini. Kerajaan juga sedar bahaya menghisap rokok. Kedua-dua perkara ini akan ditimbang supaya perkembangan kesihatan dan ekonomi negara berjalan dengan berseimbangan.
- (ii) Langkah-langkah mengandungi pelekatan amaran di kotak-kotak rokok

dan mencegah iklan-iklan rokok melalui siberan am masih dalam timbangan Kerajaan.

Dr A. Soorian: Soalan tambahan, sungguhpun rokok mendatangkan cukai yang banyak kepada Kerajaan, adakah Menteri yang berkenaan bersetuju dengan saya bahawa kesihatan rakyat negara kita ini adalah lebih mustahak daripada ekonomi.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan memikirkan keadaan kesihatan dan juga ekonomi negara.

Dr A. Soorian: Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa murid-murid dalam sekolah di negara kita banyak yang menghisap rokok bercampur dadah, dan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian berkenaan untuk mengatasi masalah ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, perkara ini yang sebenarnya Kementerian yang berkenaan telah mengambil langkah untuk menghapuskan orang-orang yang menghisap rokok bercampur dadah. Perkara ini juga terpulang kepada ibu bapa dan juga orang ramai untuk memberikan kerjasama, khasnya Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson, jika dapat peluang bercakap dengan pemuda-pemuda kita dari semasa kesemasa untuk memberi pelajaran dan menerangkan bahaya menghisap rokok itu atau rokok bercampur dadah.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, adakah Kementerian Kesihatan mengkaji supaya menghisap rokok tidak merbahaya kepada seseorang?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, ini barangkali soalan Yang Berhormat itu adalah menyatakan sahaja, yang sebenarnya menghisap rokok itu adalah berbahaya kepada kesihatan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Adakah kuasa mengharamkan orang menghisap rokok di panggung wayang baharu-baharu ini? Adakah dengan arahan Kementerian ini ataupun dengan kuatkuasa Bandaraya Kuala Lumpur?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, pihak-pihak yang berkuasa boleh mengambil tindakan seberapa yang boleh untuk menghalang orang menghisap rokok di panggung wayang dan lain-lain. Itu terserah kepada Kerajaan Tempatan untuk mengambil tindakan.

Dr A. Soorian: Tadi Menteri yang berkenaan ada mengatakan sebuah Jawatankuasa bagi menyiasat perkara ini telah ditubuhkan, bilakah Jawatankuasa itu akan membuat laporannya dan bilakah Menteri yang berkenaan akan membentangkan laporan itu dalam Parlimen ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Bila Jawatankuasa itu telah siap membuat siasatan dan laporannya, pada masa itulah akan disampaikan kepada Ahli-ahli Parlimen ini (*Ketawa*).

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, banyak benar Menteri-menteri berjanji dengan bermacam-macam jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk mengkaji satu-satu perkara, tetapi akhirnya tidak ada tindakan apa pun. Bolehkah kami mendapat tahu samada satu tahun atau dua tahun yang laporan Jawatankuasa itu akan dibentangkan atau sampai pilihanraya yang akan datang.

Tan Sri Lee Siok Yew: Itu hanya pandangan daripada Ahli Yang Berhormat itu di sebelah sana sahaja.

Tuan V. David: Saya hendak tahu bilakah siapnya laporan itu? Berapa lama masanya jawatankuasa itu boleh mengeluarkan laporannya?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, saya boleh berjanji, bahawa laporan itu akan disampaikan kepada Parlimen dan akan diberitahu kepada rakyat kita sebelum pilihanraya (*Tepuk*).

Tuan V. David: Yang Berhormat Menteri mengatakan Jawatankuasa belum dilantik lagi untuk mengatasi perkara ini, oleh sebab itu, kami ingin tahu adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan satu undang-undang tidak boleh advertise rokok di radio dan talivisyen?

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dalam masaalah ini pihak Kementerian telah melantik jawatankuasa yang boleh menunjukkan bahawa rokok itu adalah merbahaya. Adakah jawatankuasa itu akan meliputi kajiannya mengenai makanan yang boleh menggantikan menghisap rokok bagi rakyat dalam negara ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Barangkali perkara ini, Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat sendiri boleh mengkaji, jikalau boleh dapat satu jenis yang boleh menggantikan rokok yang tidak membahayakan kepada kesihatan kita.

Dr A. Soorian: Tuan Yang di Pertua, sedikit hari yang lalu soal ini ada dijawab oleh Setiausaha Perlimen kepada Menteri Penerangan, dia menjawab kalau sekiranya iklan-iklan sudah diharamkan dalam siberan am; orang yang mengisap rokok lebih, ini dia telah siasat dalam negara lain, adakah Menteri yang berkenaan bersetuju dengan pendapatnya?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, apa yang saya hendak cakapkan sudah pun saya cakapkan, dari itu saya tidak boleh jawab lagi.

ASRAMA PUTERI DI CAIRO- INDONESIA—PEMBINAAN

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada rancangan hendak membina sebuah asrama puteri di Kaherah dan di Indonesia itu sudah dilaksanakan dan jika ya, berapakah perbelanjaan bagi tiap-tiap bangunan itu; dan
- (b) samada rancangan untuk memperbaiki asrama-asrama pelajar-pelajar di Malaysia Hall, London, Belfast dan Dublin dalam tahun 1972 itu dapat dilakukan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, jawapan mengenai soal

- (a) Rancangan untuk membina sebuah asrama puteri di Cairo sedang diuruskan. Harga projek ini dianggarkan sebanyak M\$300,000.

Mengenai pembinaan asrama penuntut di Indonesia, rancangan ini juga sedang diurus, dan harga projek ini dianggarkan sebanyak M\$400,000 (tidak termasuk harga tanah).

Mengenai jawapan kepada soalan

- (b) Ya, peruntukan yang diluluskan sebanyak M\$30,000 dan telah pun dikeluarkan untuk memperbaiki asrama-asrama pelajar di Malaysia Hall, London, Belfast dan Dublin.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah dengan siapnya asrama yang telah dibina oleh Kerajaan di Cairo itu akan mencukupi keperluan dan kehendak-kehendak penuntut-penuntut Malaysia di sana?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Bagi sementara waktu ini, ya.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Adakah waktu hendak membina asrama baharu ini, soal tapak asrama itu juga diuruskan supaya berdekatan dengan sekolah masing-masing?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, kita hendak buat asrama ini di negeri orang, jadi masalah tanah di negeri orang itu lain daripada tanah negeri kita sendiri, jadi walau macam manapun tapak bagi asrama ini telah diperolehi berdekatan dengan asrama putra yang ada di Cairo.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah asrama yang diuntukkan kepada penuntut Malaysia itu akan dikhaskan ataupun dikhaskan kepada penuntut-penuntut dari Malaysia yang mendapat biasiswa Kerajaan Pusat sahaja atau bagaimana?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, tidak.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Adakah Kementerian ini sedar iaitu bantuan sebagai membina atau memperbaiki asrama pelajar-pelajar di Malaysia Hall di London sana iaitu yang berupa M\$30,000 ini adalah terlalu kecil, adakah pihak Kementerian ini sedar dan jika sekiranya elok adakah rancangan patut ditambah lagi?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, perbelanjaan ini adalah untuk membaiki asrama itu, jadi bukanlah untuk membuat bangunan yang baharu, boleh jadi membaiki itu untuk menggantikan ceiling atau dinding atau pintu. Dan oleh sebab itu peruntukan sejumlah itu sebagaimana yang diminta telah disediakan.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Kementerian yang berkenaan mengenai asrama di Cairo, bagaimanakah pendirian Kerajaan Pusat mengenai sekolah ini, adakah Kerajaan bercadang supaya mengambil semua students yang bukan dari pihak Muslim pun dapat diterima di situ?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Saya kurang jelas soalan itu.

Tuan Yang di Pertua: Dia hendak tahu, adakah hendak diterima murid-murid yang bukan Muslim?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Yang kita bina ialah asrama untuk pelajar-pelajar.

HARGA UDANG DAN IKAN DI PASAR

9. **Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau sedar bahawa oleh kerana ikan dan udang dieksepot harganya di pasar-pasar tempatan telah naik, jika ya, samada beliau akan menggunakan sistem kota mengenai eksepot ikan dan udang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di Pertua, saya sedar akan kenaikan harga udang dan ikan di pasar pada keseluruhannya. Kenaikan harga udang dan ikan yang baik adalah disebabkan bertambahnya permintaan dari luar negeri dan ini adalah satu pertanda baik untuk menggalakkan perkembangan perusahaan perikanan bagi dieksepot selain dari menambah pendapatan pada nelayan dan juga menguntungkan negara dari segi pertukaran wang luar negeri.

Kenaikan harga ikan dan udang yang baik ini tidaklah pula menyusahkan orang ramai negeri ini kerana ikan dan udang dari berbagai-bagai jenis boleh didapati di pasar-pasar dengan harga yang berpatutan dan pengguna-pengguna adalah berkemampuan untuk membelinya.

Kementerian saya tidak bertujuan untuk mengenakan sebarang kota untuk udang dan ikan yang dieksepot.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa bukan sahaja harga udang tinggi bahkan udang tidak boleh dapat di setengah-setengah market?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Mungkin di setengah-setengah market atau pasar tidak ada udang dan boleh jadi udang itu telah habis ketika Yang Berhormat itu sampai (Ketawa).

Yang kedua, memang diketahui umum bahawa udang sekarang ini adalah kekurangan kerana dieksepot dan harganya sangat tinggi. Yang demikian, Kementerian saya melalui Jabatan Perikanan sedang hendak menggalakkan pemeliharaan udang galah di sungai-sungai yang berhampiran dengan laut dan tempat-tempat yang sesuai. Usaha menternak udang ini sedang berjalan dengan pesat sekarang tetapi setakat ini belumlah dapat saya memberitahu di mana tempat yang akan dibuat itu.

JURUTERBANG MALAYSIA YANG MENGANGGUR

10. **Tuan V. David** minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapa MAS tidak mengambil juruterbang Malaysia yang menganggur dan mempunyai pengalaman penerbangan selama 2,000 jam serta menjadi jurulatih penerbangan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, perkara ini telah pun saya jawab di dalam perbahasan di dalam Dewan yang berbahagia ini waktu menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Kuala Selangor, tetapi Yang Berhormat tidak ada di Dewan Yang Berhormat ini, oleh kerana itu saya suka mengulangkan.

MAS tidak mengambil mereka itu oleh kerana MAS telah mempunyai Pegawai-pegawai Pertama, dan Kedua yang cukup. Dengan sebab itulah sampai sekarang pun tidak ada kekosongan, kita tidak ambil orang lagi.

Tuan V. David: Pilot-pilot daripada luar negeri, adakah orang itu memegang lesen untuk boleh membawa Boeing 737?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu tidak timbul. 16 orang yang kita hantar itu sudah menjadi Keptan dalam MSA dan membawa Fokker Friendship 27 sudah beberapa tahun dan dia telah diperiksa di-dapati layak dan dihantar berlatih di Seattle, di sana pihak Boeing telah mengajar dan mereka pun sudah layak bawa baek Boeing 737-200 ke mari. Tetapi anak Malaysia ada juga beberapa orang, jawabnya akan diberi pada soalan yang berikut.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, adakah betul atau tidak yang pilot-pilot dari luar negeri bila dia pergi ke Seattle, dia diperiksa dan ada juga yang tidak lulus separuh daripadanya, betul atau tidak?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, tidak betul. Kalau tidak lulus dia tidak boleh bawa kapalterbang. Dia kena berhenti kerja.

Tuan V. David: Soalan tambahan. Betul atau tidak ada juga pilot-pilot memegang lesen boleh membawa Fokker Friendship 27, tetapi tidak ada lesen boleh membawa Boeing 737.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tidak, kalau dia tidak mahir bawa Boeing 737, dia bawa juga nanti, terjun ke bawah (*Ketawa*).

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, nyawa orang adalah tanggungjawab mereka. Kita hendak tahu adakah mereka ada lesen? Barangkali Yang Berhormat Menteri bila naik kapalterbang bolehlah periksa samada orang itu ada lesen atau tidak, tetapi kita tidak boleh. Nyawa rakyat negara ini hendaklah dijaga.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, apa soalnya saya tidak tahu. Berlatih macam perempuan tua (*Ketawa*) tidak kenal. Tanya apa benda, kita boleh jawab.

Tuan V. David: Soalan ini kita ada membaca dalam surat khabar ada separuh orang tidak pass periksa di Seattle, adakah betul atau tidak?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tidak betul, apa lagi mahu (*Ketawa*). Awak percaya suratkhbar sahaja tidak percaya sama Menteri, tidak percaya pada Kerajaan (*Ketawa*).

Tuan Yang di Pertua: Satu soalan dapat dua kali jawapan (*Ketawa*).

MAS—JURUTERBANG— JURUTERBANG ASING

11. Tuan V. David minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan juruterbang-juruterbang asing yang bekerja dengan MAS dan kadar gaji yang dibayar kepada juruterbang asing berbanding dengan gaji yang dibayar kepada juruterbang tempatan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, soalan ini telah pun dijawab di Dewan Negara yang lalu pada 8hb September, 1972. MAS sekarang mempunyai seramai 123 orang juruterbang-juruterbangnya dan 54 orang daripadanya adalah pegawai-pegawai dagang dan kesemuanya pegawai-pegawai dagang ini ialah berpangkat Keptan. Kadar gaji juruterbang-juruterbang dagang ialah sama dengan kadar gaji juruterbang-juruterbang warganegara Malaysia, cuma juruterbang-juruterbang dagang ini dibayar elaun expatriat mengikut aturan yang lazim dikenakan kerana MSA dahulu mengambil juruterbang-juruterbang luar yang mesti menerusi Association of Pilots, siapa yang hendak kita gunakan dia dibayar elaun seperti berapa elaun isteri, berapa elaun anak, kalau tidak, kita tidak boleh gunakan mereka. Apabila MAS menerima orang-orang yang sudah bekerja dengan MSA dahulu, kita kena mengikut syarat-syarat itu. Sebab itu pendapatan-pendapatan juruterbang-juruterbang daripada luar ini tentulah lebih daripada juruterbang-juruterbang bumiputra.

Langkah-langkah sedang diambil untuk melatih warganegara Malaysia sendiri untuk menggantikan juruterbang-juruterbang dagang ini dengan seberapa segera yang boleh. Tetapi kita tidak akan hantar sesiapa pun melainkan dia betul-betul layak supaya dilatih membawa kapalterbang Boeing 737-200 itu. Pelatih juruterbang dihantar keluar negeri oleh Sharikat MAS dan MARA supaya mereka ini dapat mengambil tempat juruterbang asing nanti. Setakat ini sudah ada seramai 22 orang pelatih-pelatih juruterbang yang sedang menjalankan latihan selain daripada 17 orang juruterbang yang dihantar oleh MARA yang sudah pun diterima bekerja dengan MAS sekarang ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Soalan saya terang, meminta berapa gaji MAS bayar dengan pilot-pilot warganegara Malaysia dan berapa gaji expatriat. Saya dengar gaji warganegara \$6,000 dan expatriate pilot dapat \$14,000, betulkah atau tidak?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tidak betul, \$14,000 itu—saya sekarang beritahu (*Ketawa*).

Tuan Yang di Pertua: Lain kali beritahu! (*Ketawa*).

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua, keptan-keptan pilot daripada luar negeri, semasa penjajah dahulu apabila Sarjan daripada Palestine datang ke negeri kita pangkatnya Tanah Melayu, pangkatnya naik Lieutenant. Tidakkah keptan-keptan pilot ini kalau di Australia dia pandai menerbangkan sahaja, sampai disini menjadi Keptan, tidakkah bagitu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Yang akhirnya saya tidak faham betul, apa tujuannya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua, masa orang putih memerintah di negeri kita dahulu Sarjan yang datang dari Palestine datang ke negeri kita pangkatnya Sarjan, tetapi apabila menjejak kaki di Tanah Melayu sudah naik Lieutenant. Oleh kerana hendakkan gaji lebih dia jadi pilot Lieutenant, entah apa namanya di Australia, sampai di Tanah Melayu menjadi Keptan, tidakkah bagitu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sarjan barangkali dalam RMAF, kita ini bercakap untuk MAS, civilian; civilian diatur mengikut aturan international. Mesti cukup jam penerbangannya, cukup pengalamannya, berapa tahun pengalamannya dan sebagainya (*Ketawa*).

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, saya menunggu jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai gaji-gaji pilot warganegara dan luar negeri, tolonglah.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sudah terangkan perbezaan antara warganegara dengan bukan warganegara ialah tentang elaunnya. Saya tidak perlu beri

detailnya. Kerana benda ini sementara, kalau kita tidak mahu membayar lebih, kita tidak ada pilot, kapal terbang kita tidak boleh terbang.

Saya dapat statistik di sini menunjukkan standardnya semua sama. Expatriate allowance, kalau ada isteri \$1,025; kalau bujang \$775 sebulan; travelling allowance \$900 kalau berkahwin; kalau bujang \$300; inducement allowance \$500—ini yang dituntut oleh Association of Pilots, dan yang lain-lain sebagaimana dikatakan Second Officer \$750. Kalau dia Second Officer pun \$750 juga—tahun pertama \$1,000; tahun kedua \$1,050. First Officer \$1,250 naik \$50—\$1,650; Keptan \$1,950 naik \$50 sampai \$2,500 naik \$75 sampai \$2,950. Selain daripada gaji yang disebutkan iaitu Keptan dan Co-Pilot menerima allowance penerbangan (Aircraft Allowance) seperti berikut juga.

Keptan, kalau dia terbang kapal terbang Boeing 737 perbezaannya kalau dia bawa jet Boeing mendapat sebanyak \$1,650 basic semua sama. Kalau dia bawa Fokker Friendship \$750; Co-Pilot \$625, kalau dia bawa Boeing 737, kalau dia bawa Fokker Friendship \$350. Ini basic sebagai seorang Keptan yang menerima gaji sehabis tinggi dalam tingkatan gaji \$2,950 sebulan, jumlah pendapatan Keptan bagi Boeing 737 ialah sebanyak \$4,600; Keptan Fokker Friendship juga ialah sebanyak \$3,700 sebulan dan bagi seorang Co-Pilot atau First Officer yang menerima gaji sehabis tinggi dalam tingkatan gaji \$1,650. Inilah yang saya terangkan tadi tentang tingkatan gaji expatriate di Malaysia adalah sama. Tetapi allowance overseas, allowance isteri, allowance inducement, allowance overtime, ini dikehendaki oleh Association of Pilots sebelum kita boleh dapat hendak menggunakan pilot-pilot ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, saya tidak faham berkenaan inducement allowance. Inducement allowance ini ada juga pilot expatriate dapat, adakah orang kita dapat inducement allowance itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, ia bertanya adakah inducement allowance diberi kepada orang di sini, saya kata orang sini memang ada sini, apa dia hendak diberi inducement lagi.

JURUTERBANG ASING—LATIHAN

12. Tuan V. David minta Menteri Perhubungan menyatakan samada benar MAS telah menghantar 16 orang juruterbang asing ke luar negeri untuk dilatih sedangkan ada rakyat-rakyat tempatan yang boleh dihantar untuk latihan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Perkara ini pun sudah dijawab dalam sidang ini yang lepas. Saya tak payahlah sambung lagi, tetapi saya hendak terangkan di sini, kita bukan sahaja menghantar expatriate, tetapi kita ada menghantar enam orang warganegara ke sana. Kemudian baharu-baharu ini, sebelum daripada itu juga kita menghantar dua orang warganegara bersama-sama enam belas orang expatriate, kerana pada masa itu hanya dua orang sahaja yang ada kelayakan daripada bumiputra, kerana kita hendak lekas hantar dan lekas balik, kerana kita hendak mulakan penerbangan pada 1hb Oktober sebagaimana yang kita telah tentukan, dan seberapa segeranya apabila kita ada pegawai-pegawai Malaysia kita yang layak, kita akan gantikan pegawai-pegawai dagang ini. Kita, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu berkehendakan bumiputra, begitu juga dasar dan polisi Kerajaan Perikatan kita hendak lekas Malaysianisation, tetapi keselamatan di udara mustahak, safety in the air is the first consideration. Bukan hanya tahu memandu naik, tak tahu hendak turun, nanti ia terjun turun. (*Ketawa*)

Tuan V. David: Apakah tindakan Kerajaan telah ambil untuk melatih warganegara menjadi juruterbang? Berapa orangkah kita telah hantar ke Seattle atau ke lain-lain negeri untuk dilatih menjadi pemandu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ramai orang yang telah kita hantar. Saya tidak ada angkanya sekarang, minta notis dahulu.

Tuan Thomas Selvaraj Gabriel: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah juruterbang-juruterbang warganegara Malaysia atau pegawai-pegawai kanan Malaysia yang bekerja dengan M.S.A. pada masa sebelum perpisahan, pada masa sekarang bekerja untuk S.I.A. (Singapore Airline).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Mereka bebas memilih, kita tidak boleh paksa.

Tuan V. David: Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu berapa orangkah warganegara pada masa yang akan datang akan dihantar untuk dilatih apabila mereka balik boieh menjadi pilot? Kalau selalu menggunakan khidmat orang luar, itu boleh dikatakan sebagai satu rancangan yang tidak menggunakan khidmat warganegara kita.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Apakah soalnya?

Tuan V. David: Saya hendak bertanya berapa orangkah yang akan dihantar, tetapi Yang Berhormat Menteri menerangkan bahawa beliau tidak ada rekod. ...

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sudah jawab—banyak, tetapi saya akan lengkapkan dan akan dihantar kepada Yang Berhormat.

INDASTRI DI KAWASAN LUAR BANDAR—MENYELARASKAN

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada dasar menyebarkan perusahaan-perusahaan dan menempatkan kilang-kilang di kawasan-kawasan luar bandar telah berjaya dan samada galakan khas atau potongan cukai ditawarkan kepada pelabur-peilabur supaya menempatkan perusahaan-perusahaan mereka di kawasan-kawasan seperti ini.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tuan Yang di Pertua, dasar menyelerakkan industri ke kawasan-kawasan luar bandar telah mencapai kejayaan yang memuaskan. Perangkaan menunjukkan bahawa setakat ini Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dan Kementerian saya telah berjaya menggalakkan lebih banyak lagi kilang-kilang didirikan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Dalam tahun 1971, daripada jumlah 305 projek-projek perindustrian yang diluluskan, 104 ataupun 35% telah ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Daripada bulan Januari hingga September 1972, daripada 238 projek-projek yang diluluskan, 113 atau 48% pula akan

ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Kejayaan kita baru-baru ini dalam menggalakkan projek-projek letronic yang seratus-peratus berorientasikan eksport supaya ditempatkan di Melaka, Kedah dan kawasan-kawasan seperti Pontian di Johor adalah satu tanda yang baik untuk masa hadapan.

Galakan-galakan khas bagi syarikat-syarikat yang menempatkan projek-projek perindustrian mereka di kawasan-kawasan yang diisytiharkan Kawasan Pembangunan adalah termasuk tambahan satu tahun taraf perintis ataupun tambahan 5% Kredit Cukai Pelaburan. Selain daripada itu, kemudahan-kemudahan pasaran, harga tanah yang lebih murah dan penyediaan tapak-tapak perindustrian di kawasan tersebut adalah faktor-faktor tambahan yang bukan merupakan belanjawan yang telah membolehkan projek-projek perindustrian ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju itu.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Kerajaan menggalakkan mendirikan kilang-kilang di luar bandar kerana kesedaran Kerajaan, keinsafan kepada penduduk luar bandar, adakah kuasa membenarkan mendirikan kilang-kilang di luar bandar ini di tangan Menteri Perdagangan dan Perindustrian atau di tangan Kerajaan Negeri masing-masing?

Tuan Mohamed Khir Johari: Kuasa meluluskan projek itu adalah di tangan Menteri Kementerian yang berkenaan, tetapi kuasa untuk menyediakan kemudahan-kemudahan itu adalah di tangan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, ada sebuah kilang di Malaysia Barat ini yang sudah dua tahun. Dia cukup dengan projeknya, cukup dengan modalnya, cukup dengan tapaknya

Tuan Yang di Pertua: Di mana kilangnya?

Tuan Hashim bin Gera: Di Negeri Perak, di luar bandar, di Tapah, tetapi sehingga hari ini tidak dapat didirikan. Apakala ditanya kepada Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri mengatakan kuasa di Kerajaan Pusat, maka hari ini bila ditanya dalam Parlimen, kata di pihak Kementerian yang

berkenaan kuasa di tangan Kerajaan Negeri meluluskannya. Semalam pun saya bangkitkan. Jadi, inilah yang mengelirukan pengusaha-pengusaha yang hendak mendirikan kilang-kilang di luar bandar selalu tergalang.

Tuan Yang di Pertua: Apa soalnya?

Tuan Hashim bin Gera: Soalnya, bilakah dapat dibereskan seumpama kilang yang di Tapah itu? Failnya 1676. (Ketawa) Silalah berhubung.

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya tidak tahu kilang di Tapah itu, tetapi yang saya tahu sebuah kilang di Tapah yang telah diluluskan, keislamannya bukanlah terbit daripada Kementerian saya bahkan dengan sebab pertukaran syarat tanah itu, tetapi ini ialah tanggungjawab Kerajaan Negeri yang berkenaan. Setahu saya tidak adalah yang terbit daripada kelambatan Kementerian.

Tuan Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa kerana tenaga letrik ataupun bekalan air tidak cukup di kawasan luar bandar, dengan kerana itu tidaklah dapat pengilang-pengilang datang ke kawasan-kawasan luar bandar. Jikalau sedar, adakah kemungkinan Kerajaan Pusat menyediakan tempat-tempat di kawasan luar bandar, terutama sekali tempat-tempat yang tidak jauh daripada bandaraya supaya di sana disediakan alat-alat bekalan air dan letrik dan dengan itu bolehlah pengilang-pengilang datang ke luar bandar?

Tuan Mohamed Khir Johari: Pihak Kementerian saya telah pun mengambil berbagai-bagai tindakan untuk membantu mana-mana juga Kerajaan Negeri yang berkehendakkan kemudahan-kemudahan, dipercepatkan di mana kemudahan letrik dan sebagainya supaya segala kawasan-kawasan perusahaan ini dapat dijayakan dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 14 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

KELAS TINGKATAN VI DI PERAK

14. Tuan Chan Fu King minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) jumlah (a) kelas-kelas Tingkatan Enam dan (b) tempat-tempat untuk Tingkatan Enam di negeri Perak, dengan memberi angka-angka berlainan untuk jurusan Arts dan Sains; dan
- (ii) samada ia sedar atau tidak terdapat kekurangan kelas-kelas dan tempat-tempat untuk Tingkatan Enam, terutamanya di daerah Hilir Perak dan samada terdapat apa-apa rancangan untuk membanyakkan tempat-tempat untuk Tingkatan Enam di Perak amnya dan terutamanya di Telok Anson, dengan memberi butir-butirnya.

Datuk Hussein bin Datuk Onn:

- (i) Jumlah kelas-kelas Tingkatan VI dan bilangan penuntut-penuntut di kelas-kelas tersebut di negeri Perak bagi kedua-dua aliran Melayu dan Inggeris adalah seperti berikut:

	(a) Bilangan Kelas	(b) Bilangan Murid
<i>Jurusan Sastera</i>		
Tingkatan VI Atas ...	17	450
Tingkatan VI Bawah ...	15	418
Jumlah ...	32	868
<i>Jurusan Sains</i>		
Tingkatan VI Atas ...	20	544
Tingkatan VI Bawah ...	18	547
Jumlah ...	38	1,091

- (ii) Perancangan untuk penubuhan Tingkatan VI adalah dibuat untuk seluruh negara dan tidak untuk sesebuah negeri atau sesebuah daerah. Walaupun demikian, dari segi keperluan kawasan Perak Selatan, bilangan kelas-kelas Tingkatan VI adalah mencukupi.

Mengikut projeksyen untuk seluruh negara yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran, bilangan kelas Tingkatan VI rendah akan ditambah sebanyak 13 buah pada tahun 1973, menjadi jumlah kesemuanya 213 buah. Bilangan ini dibuat berdasarkan kepada bilangan murid-murid yang mengambil SPM/MCE pada tahun ini dan kepada bilangan murid-murid yang dianggarkan akan mencapai

kelayakan untuk memasuki Tingkatan VI. Juga bilangan ini berdasarkan bahawa bilangan murid-murid untuk sesebuah kelas ialah kira-kira 35 orang.

Dalam pada itu, Kementerian saya sentiasa menimbangkan penubuhan kelas Tingkatan VI rendah untuk memenuhi keperluan sesebuah kawasan, sekiranya didapati bilangan murid-murid yang layak memasuki kelas Tingkatan VI rendah dan bilangan guru-guru yang berkelayakan cukup, dengan mengambil perhitungan kepada kemudahan-kemudahan pengajaran, seperti makmal sains dan sebagainya, dan kemudahan-kemudahan murid seperti tempat tinggal mereka.

PEMASANGAN IBUSAWAT OTOMATIK

15. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Perhubungan menyatakan walaupun kemajuan-kemajuan telah dibuat kepada Jabatan Talikom, mengapakah masih lagi sukar untuk mendapat pemasangan-pemasangan talipon terutama sekali di bangunan-bangunan perniagaan di Butterworth dan Kepala Batas.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Di Kepala Batas pada ketika ini kerja-kerja pemasangan ibusawat otomatik yang mempunyai 200 talian sedang dijalankan bagi menggantikan ibusawat yang ada sekarang. Perkhidmatan ibusawat baharu ini akan dimulakan pada akhir bulan ini bersama-sama dengan "trunk switching centre" yang baharu dan yang sedang menjalani ujian terakhir di Pulau Pinang. Adalah diharapkan semua permohonan-permohonan pemasangan alat talipon akan dapat dipenuhi dan pada masa yang sama Kepala Batas akan disambungkan kepada sistem STD dan dengan ini panggilan terusmenerus boleh dibuat dengan tempat-tempat seperti Kuala Lumpur, Singapura, Melaka dan sebagainya pada akhir bulan Disember ini.

Di Butterworth pula, ibusawat yang ada sekarang sedang diperbesarkan dengan 1,000 talian tambahan. Kerja-kerja di ibusawat ini dijangka siap pada akhir bulan Februari, 1973. Begitu juga "cable" untuk pengguna-pengguna sedang dipasang dari ibusawat ke kawasan perusahaan dan dengan ini perkhidmatan akan dapat diberikan kepada semua pemohon-pemohon pada akhir bulan Disember ini juga.

SISTEM DAILING OTOMATIK

16. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Perhubungan menyatakan walaupun Jabatan Talikom mempunyai tujuan untuk memasang sistem dailing automatik kepada talipon di Bukit Mertajam beberapa tahun dahulu, apakah yang menghalang Jabatan ini daripada berbuat demikian hingga pada hari ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ibusawat "manual" yang ada di Bukit Mertajam sekarang ini akan ditukar kepada ibusawat automatik dengan kemudahan-kemudahan STD dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Perbincangan bagi mendapatkan tapak bangunan baharu ibusawat automatik ini telah diselesaikan dan mereka-mereka yang menduduki tanah ini telahpun mengosongkannya bagi membolehkan pihak Jabatan Kerja Raya memulakan kerja-kerja pembinaan bangunan tersebut. Adalah diharapkan perkhidmatan talipon di Bukit Mertajam akan menjadi automatik sepenuhnya pada akhir tahun 1974.

PENYAKIT CACING—MENCEGAH

17. Dr A. Soorian minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar tentang merebaknya penyakit cacing di kalangan pelajar-pelajar dan pekerja-pekerja di ladang-ladang yang mana telah menyebabkan keciciran murid-murid di sekolah dan keuzuran daripada bekerja dan jika ya, bilakah satu kempen besar-besaran yang berkesan bagi mencegah penyakit cacing, akan dimulakan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kementerian saya sedar masalah cacing di kalangan murid-murid dan dianggarkan kira-kira 35% penduduk luar bandar mengidap penyakit cacing kerawit dan kira-kira 80% mengidap cacing gelang. Akan tetapi Kementerian saya tidak sedar masalah inilah semata-matanya yang mengakibatkan keciciran di sekolah dan di ladang-ladang dan belum lagi didapati hasil penyiasatan yang menunjukkan cacing itulah yang semata-matanya menyebabkan masalah keciciran.

Kementerian saya memandangkan masalah cacing ini mengikut perspektif yang berpatutan. Kementerian saya akan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk menjalankan kempen yang sistematik di

sekolah-sekolah mulai pada tahun 1973. Kementerian saya tidak akan memberi ubat cacing di ladang-ladang oleh kerana ini ialah tanggungjawab pihak majikan sendiri.

TEMBAKAN KE ATAS RAKYAT THAI—TINDAKAN

18. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertahanan menyatakan sebabnya terjadi tembakan ke atas rakyat Thai yang bukan Kominis di sempadan Malaysia-Thai baru-baru ini, dan apakah tindakan yang telah diambil supaya perkara seperti itu tidak akan berlaku lagi di masa yang akan datang.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Kejadian yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu telah berlaku pada 12hb Oktober, 1972 pada jam lebih kurang 7 petang. Pada waktu itu satu pasukan keselamatan telah menyediakan satu kedudukan seranghendap di satu tempat kira-kira 3½ batu di timur laut Kroh—lebih kurang satu batu dari sempadan Malaysia/Thai. Kawasan ini ialah di dalam kawasan operasi di mana perintah berkurung selama 24 jam dikuatkuasakan. Ketika itu beberapa orang yang berpakaian pereman dan bersenjata telah memasuki kawasan seranghendap itu dan pasukan keselamatan yang berada di situ telah melepaskan tembakan. Enam orang telah didapati terbunuh dalam seranghendap itu. Pada mulanya peristiwa itu disangkakan satu kejadian pasukan keselamatan, tetapi apabila disiasat didapati kejadian itu telah menimbulkan satu trajedi yang sangat-sangat dikesalkan. Mereka yang mati itu bukannya pengganas komunis sepertimana yang disangkakan oleh Pasukan Keselamatan tetapi sebenarnya adalah rakyat Thai. Mayat keenam-enam orang yang terbunuh itu telah diserahkan kepada pihak berkuasa Thai pada hari mayat-mayat itu dikeluarkan dari kawasan seranghendap itu.

Pada masa ini kita sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa kerajaan Thai untuk menentukan tindakan-tindakan yang pratikal dan berkesan yang perlu diambil bagi mengelakkan dari berlakunya kejadian-kejadian seperti ini di masa-masa yang akan datang.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

(Usul)

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini mengambil ketetapan iaitu Dewan hendaklah bersidang hingga pukul 7.30 malam ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini mengambil ketetapan iaitu Dewan hendaklah bersidang hingga pukul 7.30 malam ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (5hb Disember, 1972).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di Pertua, suka saya menyambung sedikit lagi ucapan saya di atas masalah yang berhubung dengan Rang Undang-undang Meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, Tahun 1951. Apa yang saya hendak sebutkan di saat ini ialah berhubung dengan kumpulanwang ini menyempurnakan masalah pencarum-pencarum yang mengalami kesakitan, yang mengalami penyakit yang tidak boleh mereka membuat apa-apa pekerjaan yang mendapatkan penyaraan hidup kepada mereka.

Tuan Yang di Pertua, kita dapati sehingga ini dan di masa-masa yang lalu tiap-tiap pencarum yang mengalami sakit seperti sakit tulang, sakit dalam perut dan sebagainya yang bertahun-tahun menjalankan perubatan di hospital-hospital, tetapi apakala mereka memohon kepada pihak EPF untuk mengeluarkan wang simpanannya, maka didapati cukup susah untuk mendapat kelulusan. Terdapat bahawa pihak EPF minta supaya pencarum yang memohon dikeluarkan wang simpanannya itu mengadakan peperiksaan maka pihak doktor-doktor Kerajaan memberi akuan dan dibuat repot kepada pihak EPF tetapi pihak EPF pula tidak meluluskan pengakuan pihak doktor itu. Salepas itu pihak EPF telah minta supaya pencarum yang memohon untuk mengeluarkan wangnya kerana sakit itu mengadakan peperiksaan di doktor-doktor yang telah dilantik oleh pihak EPF untuk mendapatkan pengesahan.

Selalunya, Tuan Yang di Pertua, apakala pencarum pergi untuk mengadakan peperiksaan pada doktor yang dilantik oleh pihak EPF maka didapati tidak lulus dengan alasan dalam masa 5 tahun lagi awak akan baik, dalam masa 7 tahun lagi awak baik daripada sakit dan sebagainya. Tetapi kadang-kadang berlaku perselisihan pendapat antara doktor Kerajaan dan doktor yang dilantik oleh pihak EPF untuk memeriksa orang-orang ataupun pencarum-pencarum yang sakit yang memohon mengeluarkan wang simpanannya.

Tuan Yang di Pertua, kalaulah boleh pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan mengambil perhatian supaya kelonggaran diberi sedikit kepada orang-orang yang sakit ini untuk mengeluarkan wangnya guna menyara hidup mereka sendiri dan anak-anak mereka.

Perkara yang akhir, Tuan Yang di Pertua, saya merayu kepada pihak Menteri yang berkenaan supaya apa yang saya sebutkan tadi dan ucapan saya pada masa yang lalu itu ditimbang oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan V. David (Dato Kramat): Tuan Yang di Pertua, saya akan bercakap dalam bahasa Malaysia dan mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Banyak dalam bahasa Malaysia.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, saya nampak Bill ini ada satu dua perkara yang mustahak kami suka hendak bawa dalam Majlis ini. Ada juga sekarang yang wanita-wanita berhenti kerja bila dia sampai umur 45 tahun. Daripada 45 hingga 55 tahun pekerja ini mahu tunggu bila dia mahu dapat wang kumpulannya. Ada juga tiga empat kali parti Pembangkang membawa ke pengetahuan Yang Berhormat Menteri Kewangan minta dibuat pindaan atas undang-undang sekarang bagaimana wanita-wanita bila sampai umur 45 tahun boleh dapat wang kumpulannya. Biasanya pada masa sekarang wanita-wanita yang berhenti kerja umur 45 tahun hendak tunggu sampai 55 tahun barangkali lebih kurang boleh dikatakan wanita ini meninggal dunia dan tidak dapat wang itu. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan membuat pindaan atas undang-undang ini supaya dipinda perkara ini, bila wanita kena berhenti kerja yang masa itu berumur 45 tahun, maka hendaklah satu kuasa dia boleh mengambil wangnya.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the money contributed by the workers in this country is being used for many development projects and it has also been a contributory factor for big business in this country. But the money which is being contributed in large sums by the working class of this country is not available for the workers for their own benefits. The Government may think that permitting the withdrawal of one-third of the contributions to a contributor's credit at the age of 50 is a great service. I think I will go a step further and say that the entire amount which has been contributed by the worker should be allowed to be withdrawn when a contributor desires to purchase his own house.

In a neighbouring country we hear that housing loans are obtainable from the Provident Fund, and I do not see any reason why suitable amendments cannot be introduced to the Employees Provident Fund Ordinance to enable contributors to withdraw their money for the purchase of houses. At the moment, many housing establishments like the Malaysia Building Society, raise funds through the Employees Provident Fund—I am subject to correction in this matter. On the other hand, by obtaining huge loans from the Employees Provident Fund, they loan money to purchasers who buy houses at a much higher interest. The worker

who contributes to the E.P.F., in the final analysis, has to pay more in interest to purchase a house. I would say this is an indirect form of exploitation where the contributor to the E.P.F. is not protected and safeguarded. I would invite the Minister to make suitable amendments as early as possible so that all contributors could own houses and housing loans can be granted from the money which is collected from the workers.

The Government cannot deny the fact that millions of dollars have been loaned to big business—for instance, Hotel Merlin, and other establishments—and this in no way is bringing much benefit to the workers. Benefits can only be brought about to the contributor if he is allowed to obtain loans for uses which will benefit him at his retiring age.

Sir, the Employees Provident Fund has been extremely lenient to defaulters, especially employers who have failed to contribute towards the E.P.F. I think the present interest is not enough. They must be made to pay more interest if they are in default in contributing to the Employees Provident Fund and suitable amendments should be drafted to see that in case an employer defaults for a number of months whatever interest is charged on the employer for the period should also be added on to the contribution to benefit the worker. Sir, this is quite important, especially to the workers who feel that large amounts of their money are being used for many projects in this country which do not benefit them. I would say that the Second Five-Year Malaysia Plan is partly being financed or may be wholly financed by the E.P.F. contributions in millions and I see no reason why this small benefit which the contributor is asking to purchase his own house—cannot be granted. Thank you, Sir.

Tuan Luhut Wan (Baram): Tuan Yang di Pertua, saya bangun memberi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan atas Rang Undang-undang yang dibawa untuk dibincangkan dalam Dewan ini iaitu mengenai pekerja-pekerja di Negeri Sarawak. Saya sebut Negeri Sarawak, Tuan Yang di Pertua, oleh kerana tidak berapa jelas dengan keadaan yang ada di Malaysia Barat.

Yang saya hendak sentuh sedikit mengenai Rang Undang-undang tersebut ialah mengenai pekerja-pekerja yang sekarang di

Negeri Sarawak yang mana sedang bertugas dalam European owned commercial firm houses iaitu perindustrian ataupun gudang-gudang yang dipunyai oleh negeri asing.

Saya mohon supaya pihak yang berkenaan dapat menyelidiki perkara ini dengan jejas supaya tindakan dapat diambil dengan segera mengenai pekerja-pekerja yang sedang berkhidmat dalam Shell Company manapun dapat gaji lebih daripada \$500 ke atas, kalau saya tidak salah ingat, Tuan Yang di Pertua, provident fund mereka ini bukan disimpan dalam negeri kita di Malaysia, bahkan disimpan oleh company yang tersebut. Begitu juga Borneo Company, Harrisons and Crosfield, Sime Darby, Chartered Bank dan sebagainya. Saya harap pihak Kerajaan Pusat dapat mengambil tindakan yang tegas supaya semua wang-wang yang disimpan oleh pekerja-pekerja tersebut dapat dipungut serta disimpan dalam Employees Provident Fund kita di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this Bili goes only in some way to meet a number of objections that have been raised by employees who have been forced over the years to make contributions to the E.P.F. Mr Speaker, Sir, what is the purpose of the Government passing laws forcing employees to make contributions towards the E.P.F.? Ostensibly the reason is to provide these employees when they retire from work or are too old to work, to give them some security in their old age.

That, Mr Speaker, Sir, is the ostensible reason, but we are aware that the Government seems to treat money collected by the E.P.F. as a method of raising cheap loans. We are aware that the E.P.F. gives loans to a lot of corporations at higher interest rates than that they pay to the E.P.F. contributors. Whatever the reason, Mr Speaker, Sir, whatever manner in which the Government treats the money that has been obtained, the Government must realise that the paramount interest of the contributors must be looked after, and that is their security. But how does one go about looking after the security of the contributors? Does it help the security of the contributors by insisting, "Till you are 50, you may not withdraw anything; reach 50, you withdraw one third for the purposes of

buying a house, or some other security of that nature." But, Mr Speaker, Sir, at the age of 50 a contributor would have worked almost 30 years. He would have only a few years more to go and at that stage to allow him to withdraw only one third of his contributions leaves him only five or ten years within which to pay up his mortgage should he buy a house. I think the Government does not allow the contributor sufficient time. The age at which he should be allowed to withdraw the contributions should be 40 or 45 so that it gives him another 15 years when he is able to work to pay up whatever mortgage or loan he may have taken to buy a house.

Further, Mr Speaker, Sir, whilst a contributor gets only 6% at the maximum for his contributions in terms of interest, when he borrows money from the bank or from the Malaysia Building Society, interest rates are much higher. In a large number of cases, these contributors borrow money from the Malaysia Building Society and they pay 8.6%, if I am not mistaken, in interest—on money the company had originally obtained from the E.P.F. This is not only making money, but making money out of the employees whose money you use. This I think is wrong, Mr Speaker, Sir, and they should, therefore, be allowed to withdraw, instead of just one third, at least half, if not all, so that the amount of loan they have to borrow from the banks or the Malaysia Building Society would be less and the interest they would have to pay would be less.

Further, Mr Speaker, Sir, the age at which they should be allowed to withdraw, for other reasons, should also be reduced to 45. Many Malaysians marry at the age of 25 or so. By the time they reach about 45, Mr Speaker, Sir, their children would be around the age of 18 or 20 and would be just on the threshold of going for higher studies for those whose employment is such they do receive such incomes where they can send their children overseas. We know for a fact that there are not enough places in our universities in the country. So a large number of parents who contribute to the Provident Fund may have to send their children overseas and they may not have other savings, Mr Speaker, Sir, to utilise for the purpose of sending their children overseas. They only have the E.P.F., but they are not allowed to withdraw this money when their children are

at the age when they should be sent overseas for further studies. If you make them wait another 5 years till they are 50, their children may become overaged to continue with their studies; the children who may have in the meantime worked for a few years, would have either lost interest or got married themselves and it becomes difficult for them thereafter to continue their studies.

Therefore, Mr Speaker, Sir, it would be best that this age limit of 50 should be reduced to, say, around 45 for the purpose of contributors buying their own houses or sending their children overseas for further studies.

Furthermore, Mr Speaker, Sir, teachers who have opted into the Aziz Salary Scheme early this year have up to date not been placed under the pensionable establishment and as a consequence of this, they will have to make contributions to the E.P.F. Mr Speaker, Sir, I think it is high time that the Government stopped dragging its feet on this question of placing the teachers under the Aziz Salary Scheme into the pensionable establishment so that they do not have to contribute towards the E.P.F. anymore. Further, Mr Speaker, Sir, once they are placed under the pensionable establishment, they should be allowed to withdraw all their contributions so far made to the E.P.F.

I have received quite a number of complaints from teachers, Mr Speaker, Sir, on the question of the Teachers Provident Fund. They say that those who have opted into the Aziz Salary Scheme should be refunded their Teachers Provident Fund contributions irrespective of whether the Government is going to pay them any interest or not.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Mr Speaker, Sir, the Teachers Provident Fund is outside the scope of this Bill.

Tuan Peter Paul Dason: Therefore, Mr Speaker, Sir, I would once again ask the Government to consider seriously to reduce the age from 50 to 45 years and to allow withdrawals of more than one-third.

Secondly, Mr Speaker, Sir, under the present Bill, the Government intends to permit only one withdrawal because, as it says allowing more than one withdrawal would cause administrative difficulties

because there will have to be further calculations. Surely, Mr Speaker, Sir, the administrative difficulties, if any, do not amount to so much that we must impose difficulties on the contributors. A contributor may want to withdraw a certain amount of money or he may only need a certain amount to buy a house under the present system and a year or two later he may need a further sum to send his child overseas or for some other purposes. Are we to say to him, therefore, "You are 50, you take out one-third if you want to take out anything; or else, you do not take out. Whatever sum, you take only once even if it is more than what you need for the time being"? I think the administrative difficulty that is encountered is not that much that we should insist that only one withdrawal would be permitted, Mr Speaker, Sir, of course, if the withdrawals are made once in every two or three months, it may cause these difficulties. But surely a system can be devised whereby you could say, "You cannot make more than one withdrawal in two years." At least a man would be able to plan and yet not take more money than he needs at any given time. Permit him to make two or three withdrawals within, say, a period of two years at least elapsing between the withdrawals. That would be fairer, Mr Speaker, Sir.

I hope the Government will take these suggestions into consideration.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like to refer to Clause 3 of this Bill which amends Section 13 of the principal Ordinance. By this amendment, the Board is given the discretion to authorise or refuse to authorise withdrawal of a sum not exceeding one-third of the amount standing to the credit of a member who makes his application on attaining the age of 50 years. I feel that the Board should not be given the discretion to pay or not to pay. When any member applies for payment, the Board should be left with no choice but to pay out. A member is seeking only to get back his own money, the money to which he is rightfully entitled and, therefore, he should not be left at the mercy of the Board. The member is not asking for charity; he applies for the money because he needs the money. Therefore, I would urge the Honourable

Minister to substitute the word "shall" in Section 13 (1A) in place of the word "may", so as to read:

"(1A) Notwithstanding the provisions of subsection (1) the Board shall on application by a member of the Fund who has attained the age of fifty years authorise"

So, I would suggest that the word "shall" be substituted in place of the word "may".

I would now, Mr Speaker, Sir, refer to the latter part of this Bill and urge the Government to allow withdrawal from the fund of a sum representing two-thirds of the amount standing to the credit of a member instead of one-third of the amount as contained in this Bill. A member who applies to the Board for the withdrawal of a portion of his E.P.F. contributions at the age of 50 years does so because he needs the money urgently and cannot afford to wait until he reaches the age of 55 years. More often than not a member applies for the money because he wishes to get ready for the retirement at the age of 55 by having his own land and house ready for moving in when he retires five years later. A sum of one-third of a person's E.P.F. contributions is in most cases hardly sufficient to purchase a land or a house and, therefore, in effect what happens is that the member spends the one-third sum in trivial matters and when he retires he neither has his own house and land and the amount left with the E.P.F. is hardly sufficient to maintain himself and his family. Therefore, Mr Speaker, Sir, I would urge the Honourable Minister to make the necessary adjustments to avoid hardships to the member and his family. This, I would suggest, Mr Speaker, Sir, would also refer to Clause 4 of this Bill which says:

"Notwithstanding anything to the contrary in the rules of an approved fund, any employer may on application"

I would suggest that the word "may" here be substituted by the word "shall" so that it will read, "any employer shall on application by an employee"

Further, I would also mention, Mr Speaker, Sir, that statistics have clearly shown that men live longer than women. Therefore, I would suggest to the Government that a man be allowed to withdraw two-thirds of his contributions at the age of 50 years and a

woman be allowed to withdraw two-thirds of her contributions when she attains the age of 45 years. Thank you, Mr Speaker, Sir.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin (Melaka Selatan): Tuan Yang di Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan ini dan suka juga memberikan pandangan-pandangan dan beberapa pendapat dalam Kumpulan-wang Simpanan Pekerja ini.

Memandangkan dari segi dan beberapa segi bagi pihak ahli-ahli yang banyak menyimpan wang simpanan ini. Lebih kurang 70 hingga 80% adalah daripada pekerja-pekerja buruh ladang dan daripada majikan-majikan, swasta yang ada di seluruh negara kita ini. Dan juga bagi pihak pekerja-pekerja ini boleh dikatakan semua hidup di dalam kepicikan dan lagi banyak menanggung sarahidup anak-anak dan keluarganya.

Pada masa mereka itu berumur lebih kurang 40-50 tahun, ada kadangkalanya ahli-ahli yang menyimpan itu telah lama berhenti bekerja daripada majikannya ataupun syarikat swasta yang hanya kebanyakannya menunggu wang simpanannya untuk dikeluarkan bagi membuat persediaan bagi anak-anaknya di masa hadapan, tetapi kebanyakannya saya dapati adalah tujuan dan hasrat cita-cita pihak pekerja dan penyimpan wang itu hampa belaka dan ada kadangkalanya menyebabkan susah hati dan ada yang sampai tidak dapat merasai habuan atas segala simpanan wangnya itu. Maka dengan ini, saya mengharapkan kepada pihak Kementerian yang berkenaan mengkaji dan menimbangkan supaya had umur pinjaman itu dikurangkan iaitu daripada 50 tahun yang seboleh-bolehnya kepada 45 tahun dan pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada pihak penyimpan-penyimpan wang itu telah ditentukan sebanyak $\frac{1}{3}$ daripada wang yang ada, tetapi saya rasa perlu oleh sebab pihak penyimpan wang itu kebanyakannya orang yang susah, perlulah dikaji kalau boleh diberikan $\frac{1}{2}$ daripada wang simpanan yang ada itu. Maka dengan itu, saya fikir pihak penyimpan wang yang sungguh mengharapkan hasil simpanan itu, maka dapatlah kelegaan sedikit bagi membuat persediaan tanggungjawab kepada anak-anak dan keluarganya pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di Pertua, disebabkan ada kebanyakan caruman daripada Ketua Jabatan dan kadangkala daripada syarikat

swasta ataupun majikan-majikan iaitu mengumpulkan wang daripada pekerja-pekerja, tetapi lambat sampai dan ada kadangkalanya tak sampai ke Ibupejabat Kumpulanwang Simpanan Pekerja di Kuala Lumpur. Maka dengan ini, saya suka mengesyorkan supaya pihak Kementerian ini akan dapat mengadakan Cawangan-cawangan Pejabatnya iaitu di tiap-tiap buah Negeri di dalam Malaysia ini dan dengan adanya pejabat-pejabat di tiap-tiap buah Negeri itu maka tiap-tiap Pegawai Pejabat Negeri itu dapat menjalankan penyelidikan bagi pihak jabatan-jabatan dan swasta. Dengan ini maka Kumpulanwang Simpanan Pekerja itu tidaklah berlaku kehilangan sebagaimana sekarang ada setengah-setengah tempat iaitu pihak pekerja telahpun memberikan potongan kepada pihak majikan dan bagi pihak majikan atau jabatan, tetapi kadangkalanya wang itu tidak sampai ke Ibupejabat, Kumpulanwang Simpanan Pekerja di Kuala Lumpur. Dengan itu selalu kita dengar banyak pihak pekerja menyatakan wang yang telah dipungut oleh majikannya sekian banyak umpamanya \$525 tetapi caruman kertas kenyataan yang diterima oleh Ibupejabat Kumpulanwang Simpanan Pekerja lebih kurang \$400 sahaja. Ini mendatangkan satu tanda-tanya atau tidak puas hati daripada pihak pencarum ataupun pihak penyimpan dan pekerja-pekerja itu.

Saya suka juga memberikan pandangan sedikit, selain daripada Kerajaan patut mengadakan pejabat di tiap Negeri yang berkenaan, maka perlu juga diadakan Pegawai-pegawai Pemeriksa, untuk memeriksa tiap-tiap syarikat swasta dan majikan di seluruh negara ini dan juga patut mempunyai Jabatan Penerangan yang lengkap supaya dengan itu pihak penyimpan wang itu dapat penerangan dengan jelas dan tidak menimbulkan kesamaran lagi.

Saya rasa sebagai menyelaraskan dan membereskan kerja-kerja supaya sungutan daripada penyimpan wang ataupun pekerja itu tidak kedengaran lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di Pertua, perlu juga bagi pihak Kementerian yang berkenaan iaitu membuat satu penegasan, kerana kita tahu sekarang tiap-tiap seorang yang menyimpan wang simpanan pekerja di negara kita ini hanya dengan mempunyai certificate atau nombor certificate sahaja dan juga

kertas-kertas perkiraan wangnya merupakan satu perkiraan panjang dan tidak dapat dipegang, walaupun dapat dilihat tetapi tidak dapat menunjukkan satu kenyataan yang sebenar-benarnya berapa banyak simpanan wang yang telah disimpan oleh tiap-tiap seorang pekerja itu. Kertas itu panjang sedangkan certificate itu kecil, maka orang ramai di kampung-kampung ada kadangkala hilang pula certificate itu dan hilang pula jumlah caruman ataupun kenyataan wang yang telah disimpan di Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja itu. Jadi bila mana hilang certificate, hilang jumlah caruman, maka ini pun menjadi satu kesusahan juga kepada pihak pekerja ataupun pihak penyimpan wang. Maka saya suka mengesyorkan supaya pihak Kementerian ini membuat satu sijil seperti sijil saham. Jika sekiranya seseorang itu sudah habis tempoh perkhidmatannya, umpamanya dia ada mempunyai wang simpanan sejumlah \$5,500 dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, maka kita buatkan satu sijil yang merupakan sijil saham itu, kita berikan kepadanya. Dengan itu juga boleh menyimpannya sebagai satu kenyataan untuk panduan anak-anaknya dan juga keluarganya. Dan mudah-mudahan dengan adanya sijil saham itu boleh menjadi satu kebanggaan kepada penyimpan wang dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia ini. Dengan ini, saya rasa pihak penyimpan akan berasa bangga dan akan mempunyai satu panduan kepada anak-anaknya dan keluarganya itu, walaupun barangkali dia telah meninggal dunia pada masa belum sampai had umur 45 atau 55 tahun.

Tuan Yang di Pertua, saya suka juga mengambil perhatian iaitu berhubung dengan Kementerian mengenai pembahagian hak iaitu penyimpan-pemimpan wang. Bagaimana biasa iaitu penyimpan wang telah memberikan satu penama ataupun dua penama dalam certificate ataupun dalam borang perjanjian penyimpan wang. Tetapi di sini, saya fikir perkara ini perlu juga di kaji semula oleh Kementerian oleh sebab tiap-tiap seorang penyimpan wang melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja itu iaitu pada umurnya 25 tahun dia telah bekerja dan menyimpan wang ditaruhnya nama anak yang pertama ataupun anak yang kedua. Tetapi apabila dia sambung lagi bekerja hingga umur 30-40 tahun

banyak orang-orang Melayu ataupun orang Islam akan kahwin satu lagi, beranak lagi, kemudian ada kemungkinan untuk keseronokan dia kahwin lagi. Jadi sampai tiga atau empat, Tuan Yang di Pertua. Jadi yang kedua pun ada anak, yang ketiga pun ada anak, lebih-lebih lagi sampai umurnya 45 tahun ataupun masuk 50 tahun, yang keempat pun ada anak lagi. Kemudian apabila sampai umur 50 tahun dia ada simpan misalnya \$5,000 dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini, maka dia pun meninggal. Jadi dengan ini ertinya anak isteri yang pertama dengan anak isteri yang kedua dalam senama itulah sahaja yang dapat, yang lain-lain bertegabor tidak dapat. Saya mengharapkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengadakan satu penyiasatan yang sebenarnya dan membuatkan aturan dan peraturan dalam masalah cara pengeluaran dan bahagian hak milik tiap-tiap seorang yang menyimpan wang dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini sebagai pembahagian harta pesaka mengikut aturan dan peraturan orang-orang Islam dalam tiap-tiap Negeri. Ini ertinya tidak menjadi satu kelamkabut, sekarang anak nombor enam, nombor tujuh, nombor lapan merasakan hampa iaitu bapa membahagikan wang itu kepada anak yang pertama dengan anak yang kedua sahaja. Ini, rasa saya amat penting kerana ini banyak sungutan-sungutan daripada pihak kita orang-orang di luar bandar lebih-lebih lagi orang-orang Melayu mengatakan dia ada bapa, tetapi anak yang tidak ditanggung oleh bapanya sendiri. Dengan ini, saya mengharapkan bagi pihak Kementerian mudah-mudahan dapat meminda ataupun menyelaraskan aturan dan peraturan pembahagian hak simati dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini mengikut kadar yang menasabah dan sesuai dengan kehendak-kehendak agama Islam kita dari semasa-kesemasa bagi masa akan datang. Maka dengan ini juga, saya rasa, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di Pertua dan kepada pihak Kementerian yang berkenaan. Terima kasih.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah):
(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I have got a few points to raise regarding the Employees Provident Fund. I would like to begin by congratulating the E.P.F. for having done a very good job and

it is quite efficient in the administration of the Fund. It is as efficient, if not more, as the Income Tax Department.

Mr Speaker, Sir, I understand the contributors get about 5.8 per cent interest per annum on their contributions but loans are made by this Board to the Malaysia Building Society and this society, although it says its interest is about 8 per cent per annum, but in effect it works out to more than 20 odd per cent per annum, so that, Mr Speaker, Sir, the contributors are indirectly being exploited. They only get about 5.8 per cent, but if contributors want to borrow money from the Malaysia Building Society, they have got to pay about 20 odd per cent per annum. Can the E.P.F. Board devise a method whereby contributors can get a housing loan from the Fund? It has been voiced on many occasions in this House that housing loans ought to be given out to contributors and I for one support this idea.

Secondly, Mr Speaker, Sir, some contributors are out of job at times, unemployed for a short period. Now, will the Board consider making advances to these contributors who are temporarily out of job? If they can get some advances, then of course they would not have to suffer so much, particularly their families.

Mr Speaker, Sir, another point I would like to raise is the question of nomination. Now, if a contributor has got a nominee and if the nominee dies and also this contributor dies off, then the Board will require proof from the beneficiaries that the nominee is dead in order that their beneficiaries can, on their own, apply for the money. Sometimes these beneficiaries do not know where the nominees are—where they live and so on. If they are dead, they may not be able to get the Death Certificates of the nominees. So the beneficiaries are in a fix.

In another case, for instance, if a nominee goes to India for good and does not return but he is still alive, would the Board pay out the contribution to the beneficiaries in case the contributor dies? The Board, I understand, does not pay out the money because the nominee who is in India is still alive. So what are we going to do when we are faced with such a difficulty? I would suggest that

the question of nomination be reviewed periodically and the contributors must confirm their nominees and give their addresses so that they can easily be traced later on.

Moreover, Mr Speaker, Sir, the contributions sometimes come to about \$1,000 or so. If a contributor dies the Board invariably requires the Grant of Letters of Administration from the beneficiaries in order that the money will be paid out. Now, to apply for the Grant of Letters of Administration these beneficiaries will have to go and see lawyers and the lawyers invariably charge them, say about \$250 for the Grant of Letters of Administration. Mr Speaker, Sir, if the amount is about \$1,000 and if the lawyer takes a cut of \$250 then the beneficiaries will get only \$750. In such a case, Mr Speaker, Sir, I suggest that the Government introduce legislation to give more powers to the E.P.F. Board to do away with the requirement of the Grant of Letters of Administration. The Board can investigate and if the Board is satisfied that the beneficiaries are the ones who are entitled to the money, then the Board should be given the power to make out the money to the beneficiaries.

That is all I have got to say, Sir. Thank you.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di Pertua, sambil memberi sokongan di atas Rang Undang-undang ini saya ingin mengemukakan beberapa pendapat untuk ditimbangkan oleh Menteri yang berkenaan, bukanlah untuk dilaksanakan pada hari ini, tetapi untuk difikirkan perlaksanaannya pada masa-masa yang akan datang. Seperti yang pernah ditegaskan oleh Kerajaan bahawa tujuan diadakan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini ialah untuk memberi pertolongan kepada kaum pekerja di waktu mereka berumur tua. Kalau dikaji dari segi ini, Tuan Yang di Pertua, saya berpendapat peraturan yang ada sekarang ini bolehlah disifatkan bahawa pertolongan Kerajaan untuk memberi pertolongan kepada pekerja-pekerja di waktu sudah tua tidaklah keterlaluan kalau saya katakan pertolongan yang ada sekarang ini diibaratkan sebagai lepas batuk di tangga sahaja. Kerana kalau kita kaji seseorang pekerja apabila mencapai umur 50 tahun cuma menunggu 5 tahun lagi boleh mencukupi umurnya 55 maka dia dibolehkan

mengambil wang simpanannya $\frac{1}{3}$. Tentulah perkara ini satu perkara yang tidak menesabah langsung, Tuan Yang di Pertua. Untuk meningkat umur 55 tahun ianya mesti menunggu 5 tahun sahaja lagi sedangkan wang yang kita boleh beri kepadanya ialah $\frac{1}{3}$. Kalau saya katakan seorang berumur 25 tahun mula bekerja dan meningkat umur 50 tahun ertinya dia sudah bekerja 25 tahun, dia hendak menunggu 5 tahun sahaja lagi, maka pada masa itu kita boleh beri $\frac{1}{3}$. Sepatutnya dia sudah sampai kepada kemuncak yang hanya menunggu 5 tahun sepatutnya kita boleh berilah mengikut kadar umur dia itu $\frac{2}{3}$ baru adil dengan umur yang mesti ditunggu hanyalah 5 tahun sahaja. Dengan sebab itulah usaha Kerajaan hendak memberi pertolongan kepada kaum pekerja dengan mengadakan undang-undang yang seperti ini disifatkan oleh kaum pekerja sebagai pertolongan melepaskan batuk di tangga sahaja.

Yang saya berpendapat, Tuan Yang di Pertua, tidak begitu berat bagi Kerajaan untuk menimbangkan perkara ini, kerana asas dan tujuan kita ialah hendak memberi pertolongan di waktu mereka tua. Jadi umur 50 tahun ini memang sudah tua, ataupun kita kata sudah lamalah dia hidup kalau tidak tua sangat pun sebab kadang-kadang umur yang 50 tahun ini kalau kita sebut tua juga dia marah juga, dia lebih suka dia muda cuma lama hidup sahaja.

Kemudian, satu perkara yang patut diberi ingat oleh pihak Menteri yang berkenaan kepada pegawai-pegawai yang bertugas di Jabatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini menyedarkan bahawa wang yang diminta oleh kaum pekerja ini bukanlah wang Kerajaan, tetapi ialah wang yang mereka kumpul dari titik peluh mereka sendiri dengan cara berdikit-dikit sejak daripada umur mereka bekerja sampailah kepada mereka meningkat umurnya 50 tahun. Jadi tidak seharusnya permintaan mereka untuk mendapatkan wang seperti yang diluluskan oleh undang-undang sekarang ini sebanyak $\frac{1}{3}$ itu dilambat-lambatkan kelulusannya ataupun pembayarannya. Sebab apa yang mereka itu minta, hak mereka, wang yang mereka amanahkan kepada Kerajaan dan sebagai sebuah Kerajaan yang di pilih oleh rakyat sekarang ini sepatutnya wang itu dapat dikeluarkan dengan secepat-cepatnya yang boleh seperti mana kita dapat pungut daripada pekerja ini.

Dan satu perkara lagi, saya berpendapat sekiranya pihak Kerajaan berfikir pemberian sebanyak $\frac{1}{3}$ ini satu perkara yang tidak dapat dielakkan, inilah sahaja yang dapat diberikan oleh Kerajaan maka saya berpendapat Kerajaan perlu mengkaji dari segi keadilan, kalau kita hanya dapat boleh beri sebanyak $\frac{1}{3}$ sahaja daripada simpanan mereka wang yang ada kepada Kerajaan sebanyak $\frac{1}{3}$ lagi itu bolehlah dijadikan cagaran apabila pekerja-pekerja seperti ini hendak membuat pinjaman kepada Kerajaan, misalannya kepada MARA, MARA berkehendakkan kepada cagaran, apa salahnya wang itu dijadikan cagaran atau penjamin kepada badan-badan lain yang ada sangkut-paut dengan Kerajaan. Sebab wang itu bukanlah mesti dikeluarkan, cumanya apa yang dikehendaki ialah jaminan daripada Kumpulan Wang Simpanan ini untuk membuktikan bahawa sekian banyak wang yang ada pada simpanan boleh dijadikan cagarannya.

Perkara yang paling akhir yang saya ingin sentuh, Tuan Yang di Pertua, banyak pengaduan-pengaduan yang saya terima daripada golongan pekerja tentang masalah kehilangan kad simpanan ataupun kad pencaruman. Memang satu perkara yang tidak dapat dinafikan bahawa seseorang yang berumur 25 tahun mula bekerja, bila dia mula bekerja dia mulalah dikeluarkan kadnya kepadanya, kemudian dia rasa kad itu berguna kepadanya apabila dia berumur 50 tahun kerana hendak mengeluarkan $\frac{1}{3}$ daripada haknya. Ertinya 25 tahun masa kad itu disimpan sana, simpan sini, tentulah satu perkara yang bukan mustahil kad itu hilang sedangkan Kerajaan pun seperti dua tiga hari yang lepas barang dalam stor lagi boleh hilang dengan meminta Dewan ini meluluskan satu peruntukan kerana hendak ganti barang yang hilang dari stor ertinya ada yang menjaga, ada kunci boleh hilang, inikah pula kad yang begitu kecil, tentulah boleh jadi hilang. Hilang di dalam laci di mana ia simpan, pindah sana, pindah sini, sebab kaum pekerja ialah kaum yang sentiasa pindah dari setempat ke setempat. Apabila mereka hilang timbullah kesusahan apabila meningkat umurnya 50 tahun untuk mendapatkan $\frac{1}{3}$, ke sana tidak kena, ke sini tidak kena untuk mendapatkan kad tadi kerana hendak buat surat ke Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini.

Saya fikir, satu sistem baru boleh dijalankan oleh pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini iaitu tiap-tiap seorang apabila berumur lebih daripada 12 tahun mengikut undang-undang mesti mempunyai kad pengenalan. Apa salahnya kalau bilangan Sijil Simpanan Pekerja ini bersamaan dengan bilangan nombor kad pengenalan. Saya mendapat faham, Tuan Yang di Pertua, satu perkara yang sedang diamalkan oleh pihak Kementerian Kesihatan sekarang ini, kalau kita hendak pergi meminta ubat di hospital dia memberi satu kad kecil, kepada kita dengan menggunakan nombor kad pengenalan—dahulu dia pakai nombor lain kerana bergaduh antara orang yang menjaga di pintu dengan orang yang meminta ubat masing-masing sudah hilang kad kecil itu, tidak tahu hendak dicari kad lama. Sistem baru yang dibuat sekarang ini berdasarkan kepada bilangan kad pengenalan. Kalau seseorang itu hilang dia tanya kad pengenalannya, nombor berapa dia sebutkan kad pengenalan dapatlah dicari kad untuk pergi berjumpa dengan doktor itu. Saya fikir boleh dilaksanakan oleh pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini memakai sistem bahawa bilangan kad pencaruman bersamaan dengan bilangan kad pengenalan yang ada kepada tiap-tiap seorang. Kalau ini dapat dijalankan tentulah tidak timbul lagi masalah apabila seseorang itu hilang kad pencarumannya, tidak payah memakan masa yang lama hanyalah memadai dengan nombor kad pengenalan itu dapat ditulis kepada pihak yang berkenaan. Kalau ini dapat dijalankan, Tuan Yang di Pertua, saya merasa ini adalah satu pertolongan yang amat besar kepada kaum pekerja. Itulah sahaja yang saya minta pihak Menteri dapat mengambil perhatian.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di Pertua, saya bercakap sedikit sahaja sambil menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya harap dalam masalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini Kerajaan mengkaji balik sebab dalam rang undang-undang ini banyak kelemahan-kelemahan yang sepatutnya Kerajaan mengambil perhatian atas sungutan-sungutan yang didatangkan oleh Wakil-wakil Rakyat dalam Dewan ini baharu sebentar tadi.

Satu perkara yang saya hendak bangkitkan bahawa Kerajaan patut memerhatikan atas kelonggaran kuatkuasa undang-undang ini

kerana kita dapati banyak majikan-majikan yang melarikan dirinya daripada mencarumkan wang ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini. Majikan ini dia memikirkan bahawa dia tidak tertakluk dengan kuat kuasa ini terutamanya yang berlaku ini, di kawasan-kawasan luar bandar, kadang-kala mereka memikirkan bahawa dia mengambil pekerja ini empat lima orang daripada keluarganya, daripada saudaranya tidak tertakluklah dia mencarumkan wang simpanan pekerjaanya.

Saya harap pihak Kementerian ini dan juga Kementerian Buruh supaya memberi peluang kepada pekerja-pekerja yang bertahun-tahun, umpamanya penoreh getah, bekerja membuat kebun getah sampai kebun itu boleh ditoreh. Bila kebun itu telah boleh ditoreh orang ini dibuang kerja dengan tidak mempunyai wang simpanan, padahal tenaga mereka digunakan untuk memajukan majikan-majikan itu. Kiranya kalau dapat Kerajaan memerhatikan majikan-majikan yang tamak ini patut dikenakan arrears membayar gaji kebelakangan wang simpanan kepada buruh-buruh yang telah digunakan itu. Itulah sahaja, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, kebanyakan Ahli Yang Berhormat . .

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, adakah kita cukup quoram?

(Locing dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 hadir).

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, mula-mula sekali saya inginlah menegaskan lagi bahawa tujuan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini ialah hendak mengumpulkan wang daripada pekerja dan juga daripada majikan untuk dipergunakan pada masa pekerja-pekerja ini telah tua dan tidak lagi bekerja. Inilah tujuan utama ataupun tujuan yang terpenting berkenaan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini. Kalau sekiranya wang ini dibenarkan cepat sangat diambil, yakni semasa orang-orang ini masih kuat bekerja, dapat lagi bekerja mencari wang daripada punca-punca yang lain, maka dengan sendirinya tujuan yang terpenting ini akan lesap dan hilang.

Yang keduanya, kalau cepat sangat diambil, dibenarkan wang ini dikeluarkan, maka sudah tentulah jumlah wangnya itu

sedikit dan juga kalau sedikit masa disimpan, maka sudah tentulah jumlah faedahnya ataupun jumlah keuntungannya sedikit. Oleh kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap dan melupakan tujuan penting atau tujuan yang utama mengapa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini diadakan, maka inilah saya ingin menegaskan tujuan utamanya. Jadi, dengan demikian, Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan perkara umur dan sebagainya, tidak payahlah saya ulangi lagi, memadamkan saya mengingatkan atau menegaskan tujuan utama berkenaan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini.

Yang keduanya, Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat, rakan Ahli Yang Berhormat dari Batu dan juga beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat, seolah-olah menuduh bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini sebahagian besarnya dipergunakan untuk mendatangkan faedah kepada big businesses dan disebutkannya tadi satu daripadanya Hotel Merlin. Tuan Yang di Pertua, saya rasa kenyataan Ahli Yang Berhormat itu sangat tidak bertanggungjawab kerana beliau tidak pun menyebutkan perangkaan atau statistik. Sukalah saya menerangkan di sini, iaitu 95% Wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini dipergunakan bagi membeli Securities daripada Kerajaan. Ertinya 95% daripada Wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini dipergunakan oleh Kerajaan dan diberi keuntungan faedah atau sebagainya balik kepada E.P.F. dan berbalik kepada pekerja-pekerja pada masa mereka itu tua dan oleh pihak Kerajaan pula wang yang didapati daripada E.P.F. ini dipergunakan untuk membiayai rancangan-rancangan pembangunan negara kita. Jadi, samada secara langsung ataupun tidak, wang E.P.F. ini dipergunakan untuk menafaat rakyat jelata sekalian yang ada di dalam negara kita dan tidaklah mendatangkan faedah kepada big businesses sebagaimana yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat tadi. Tuan Yang di Pertua, inilah saya katakan berbahas di dalam Dewan Rakyat tanpa sedikit pun rasa tanggungjawab, membuat tuduhan-tuduhan liar tanpa mengemukakan sebarang statistik ataupun perangkaan.

Tuan Yang di Pertua, jadi daripada kenyataan ini jelaslah hanya sebilangan yang kecil sahaja daripada wang E.P.F. itu

dipinjamkan kepada pihak-pihak lain. Pinjaman kepada pihak yang lain-lain ini adalah berdasarkan dasar perniagaan, yakni pinjaman ini walaupun telah disebut pihak Hotel Merlin mendapat pinjaman, tetapi pinjaman ini dibuat dengan mengenakan bayaran faedah. Ertinya adalah di bawah cara urusan ataupun ordinary business dealings antara E.P.F. dengan pihak-pihak yang lain. Dengan ini bererti bahawa pihak E.P.F. dan juga pencarum-pencarumnya mendapat faedah atau mendapat keuntungan daripada pinjaman yang sudah diberikan itu dan pinjaman-pinjaman ini tidaklah semata-mata merupakan untuk menolong atau mendatangkan faedah kepada pihak-pihak syarikat yang menerima pinjaman daripada E.P.F. itu dan ini saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat jelas akan kedudukan perkara ini.

Satu perkara lagi, iaitu berkehendakkan wang simpanan ini boleh dipergunakan sebagai cagaran. Kalau dibenarkan wang simpanan ini digunakan sebagai cagaran walaupun tidak diambil, maka bila digunakan sebagai cagaran untuk pinjaman dan lain-lain, maka sudah tentulah wang yang tersimpan di dalam E.P.F. oleh pencarum-pencarum ini kurang selamat, padahal tujuan utama kita ialah menyimpan wang ini dengan mendatangkan keuntungan-keuntungan dengan cara yang paling selamat, tidak diganggu-gugat oleh sebarang dealings yang lain. Itulah tujuan utamanya. Maka perkara untuk dijadikan cagaran yang ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini tidaklah dapat diterima.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah mengucapkan tahniah kepada E.P.F. dan saya rasa inilah satu-satunya ucapan yang paling constructive, yang paling objective dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari pihak Parti D.A.P. di dalam Dewan ini dan saya berharap mudah-mudahan dia tidak ditendang keluar oleh pemimpin Parti D.A.P. Kalau dia hendak ditendang keluar pun . . .

Dr Tan Chee Khoo: Saya hendak bertanya sedikit untuk penjelasan. Is this going to be the kiss of death to the Member for Batu Gajah?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya baharu hendak menyambung perkara ini tadi. Soalnya, Tuan Yang di

Pertua, ini bukanlah bererti kiss of death. Walau bagaimanapun pada pandangan kita D.A.P. ini menunggu masa sahaja dia hendak mati. Tinggal lagi sebelum D.A.P. mati; mana orangnya yang tak mahu mati, biarlah dia pindah-pindah macam Ahli Yang Berhormat dari Bungsar, Tuan Yang di Pertua. Jadi ini menunjukkan walau apa pun kecaman-kecaman yang dikemukakan terhadap E.P.F. daripada ucapan tahniah dari seorang ahli Pembangkang menunjukkan bahawa perjalanan E.P.F. ini adalah baik, cekap dan teratur dan walaupun begitu boleh jadi adalah kelemahan dan pihak Kerajaan sentiasalah memperbaiki dari semasa kesemasa.

Tentang perkara nominees yang ditimbulkannya itu dan juga perkara waris yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan, saya fikir perkara ini adalah satu perkara yang baik ditimbulkan kerana masaalah nominees yang akan menerima simpanan ini jika sekiranya pencarum itu mati adalah satu perkara yang penting dan satu perkara yang elok diselesaikan. Maka saya memberi jaminan kepada Dewan ini iaitu perkara nominees dan juga perkara waris yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan akan dikaji dan akan disesuaikan dengan seberapa yang boleh bagaimana cara yang dapat dengan undang-undang dan peraturan faraid dalam Islam bagi orang-orang Islam dan juga bagi orang-orang yang bukan Islam, maka akan dikaji sesuai dengan kehendak-kehendak masa kita.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara mengatakan bahawa ramai majikan lari daripada membayar E.P.F. tetapi Ahli Yang Berhormat itu tidak menyebutkan siapa-siapa dia. Kalau diberitahu kepada pihak Kerajaan maka tindakan akan dapat diambil. Walaupun begitu pihak Kerajaan, khususnya pihak E.P.F. ada dengan pemeriksaan-pemeriksanya untuk menjalankan kerja-kerja ini. Namun demikian kalau sekiranya ada pihak majikan yang lari maka silalah berikan keterangan kepada pihak E.P.F. atau kepada pihak Kementerian terus. Begitu juga dalam hal menjalankan pentadbiran dan juga mengadakan kemudahan-kemudahan maka kita harus menimbangkan iaitu kalau tinggi sangat ongkos pentadbiran E.P.F. ini, maka ertinya keuntungan yang akan didapati oleh pencarum-pencarum akan berkuranganlah. Oleh sebab itu perbelanjaan atau ongkos

pentadbiran E.P.F. ini seberapa dapat hendak kita kurangkan dengan tujuan segala keuntungan itu hendak kita berikan kepada pihak pencarum-pencarum. Sekianlah sahaja jawapan saya, Tuan Yang di Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

(Usul)

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14 (2) Majlis ini akan terus menimbangkan perkara 9, 10, 12 dan seterusnya dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sebaik-baik sahaja ia telah selesai menimbangkan perkara 6.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14 (2) Majlis ini akan terus menimbangkan perkara 9, 10, 12 dan seterusnya dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sebaik-baik sahaja ia telah selesai menimbangkan perkara 6.

RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DI RAJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu

Akta bagi meminda Ordinan Peruntukan di Raja, Tahun 1957 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, mengikut perkara 35 (1) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen hendaklah dengan Undang-undang Peruntukan sesuatu Peruntukan di Raja bagi Yang di Pertuan Agong yang termasuk peruntukan untuk membayar annuity kepada Raja Permaisuri Agong dan peruntukan di Raja itu hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan dan tidak boleh dikurangkan di dalam masa Yang di Pertuan Agong memegang jawatannya.

Bagi melaksanakan Perkara 35 (1) itu maka satu Ordinan Peruntukan di Raja No. 70/1957 telah diluluskan pada 31hb Ogos, 1957. Semenjak itu Akta tersebut telah dua kali dipinda dan kedudukan jumlah wang yang ditentukan di dalam Jadual kepada Akta itu adalah seperti berikut:

Klas 1 (a) Peruntukan di Raja	\$294,000
Klas 2 (b) Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana	280,500
Klas 3 (c) Perbelanjaan Istana	188,600
Klas 4 (d) Kurniaan di Raja dan Perbelanjaan Khas	8,000
Jumlah	\$771,100

Oleh kerana pelaksanaan Sekim Gaji Suffian dan bertambah kakitangan istana dan jawatan Penolong Pengelola Bijaya di Raja telah dinaikkan tingkatnya, maka peruntukan di bawah Kelas 2—Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana telah didapati tidak mencukupi. Peruntukan ini perlu ditambah sebanyak \$128,900 yang akan menjadi jumlah sebanyak \$409,400. Pindaan kepada peruntukan yang saya sebutkan itu hendaklah dikuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1972.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN LUAR NEGERI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Satu Akta untuk meminda Akta Pinjaman Luar, 1963" dibaca bagi kali kedua.

Pada masa Akta Pinjaman Luar diluluskan dalam tahun 1963, peruntukan dibuat ialah sebanyak \$300 juta jumlah maksima yang boleh dipinjam. Had ini kemudiannya dinaikkan kepada \$1,070 juta oleh Akta Pinjaman Luar (Pindaan), Bil. 49 tahun 1966. Pada masa ini baki jumlah yang boleh dipinjam di bawah Akta Pinjaman Luar, 1963, sebagai terpinda, ialah lebih kurang \$41 juta sahaja, dan ini telah menimbulkan keperluan segera untuk menaikkan lagi had berkanun Akta Pinjaman Luar, 1963.

Rancangan Malaysia Kedua memerlukan kewangan bersih dari luar dalam lengkungan \$910 juta, yang sebahagian yang terbesar daripadanya mungkin didapati di bawah peruntukan Akta ini. Oleh itu, adalah dicadangkan bahawa dari segi praktik, had berkanun di bawah Akta Pinjaman Luar, 1963, hendaklah dinaikkan daripada \$1,070 juta kepada \$2,000 juta. Cadangan had baru ini sebanyak \$2,000 juta ialah peruntukan bagi Rancangan Malaysia Kedua dan juga bagi pinjaman-pinjaman yang akan dibuat selepas Rancangan Malaysia Kedua nanti.

Untuk memudahkan cara bagi pindaan-pindaan selanjutnya yang diperlukan pada masa depan, adalah dicadangkan bahawa satu peruntukan dimasukkan supaya had yang dibenarkan di bawah Akta ini boleh dinaikkan dengan usul di dalam Dewan Rakyat.

Bangkangan-bangkangan seringkali di-suarakan apabila pihak Kerajaan datang ke Dewan ini untuk mengemukakan cadangan seperti ini. Saya telahpun beberapa kali menegaskan dan saya uangi lagi untuk faedah Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa adalah tidak menjadi hal sekiranya pinjaman yang bertambah ini dibuat bagi tujuan-tujuan yang mungkin menambahkan pendapatan dan daya pengeluaran. Sekiranya prinsip ini diikuti sepenuhnya, maka adalah lebih baik meminjam lebih daripada meminjam kurang.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk bercakap sepatah dua dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di Pertua, beliau menghendaki daripada Dewan ini supaya Kerajaan boleh meminjam wang terhad kepada \$2 ribu juta dan juga beliau hendakkan Dewan ini memberi kuasa kepada Kerajaan di masa yang akan datang supaya tidak payah Kerajaan datang ke Dewan ini untuk meminda Akta ini, tetapi by resolution mohon kebenaran daripada Dewan ini untuk melebihi atau meninggalkan pinjaman daripada luar negeri.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, if, as the Deputy Minister says, any borrowing by the Government is for the purpose of generating economic activity and, most important of all, generating jobs and better paid jobs to the workers of this country, then of course all of us in this country will have no qualms about such borrowings on the part of the Government. But we all know that sometimes this is not so. I myself have pointed out the loss of stores, and I believe some of these stores are bought with money—a lot of these stores are of a capital expenditure nature—and are bought with money from abroad or from local sources; and as such, by no stretch of imagination can the Government say that the money is well spent. When I raised

this matter, Mr Speaker, Sir, the Deputy Minister of Finance stated, "Oh! the Treasury is not responsible for every Ministry that loses its stores." I do agree. But the Treasury's job is to be the watchdog of expenditure in this country and if it knows, it should try and point out that an X-ray plant was bought three or four years ago and it is not used and is rotting away in the store; if not, then I say that the money is going down the drain and not being used gainfully as has been postulated by the Deputy Minister of Finance.

Mr Speaker, Sir, I say this because I do support the Government in its quest for more money to finance our development projects, but there is one thing that I wish to point out to the Deputy Minister of Finance and this is a thing that I have said many times in this House: that we have round about \$2,900 million in investments abroad. This is a very high saving abroad by any standard. Now, if we were to recall some of that money back, then we do not need to borrow, we do not need to be a client State to big banks or to Governments. The Government will say that it is good to have money abroad. I want to point out to the Government about none other a State than Iran, for example. Iran is an oil producing country. Iran is a very rich country. But I am told that its investments abroad are very low. I am told that its investments abroad are enough to pay for only a few months of the imports of that country. So, this is one thing that I would like to bring to the attention of the Government: that instead of borrowing all the time, why not we recall some of that money? Why should the money of this country be used to finance projects in developed countries? If we can get money from developed countries at no interest or at a very low interest, then I say it is okay. But if we borrow it at high interests, why should the money from this country go out to finance the rich workers, the rich Governments, in the developed countries?

Mr Speaker, Sir, the other thing that I wish to point out to this House and to the people of this country is that our public debt is growing at an enormous rate. I do not have the exact figures but I think it must be round about \$5,000 million. But we do have figures of the debt servicing. The debt servicing for next

year is \$438 million. For this year, it is \$388 million. Now, in one year, it has jumped by \$50 million.

Mr Speaker, Sir, I have done a little arithmetic and my arithmetic shows that out of every dollar that the Treasury spends on recurring expenditure, it has to spend 14.2c. in debt servicing. Now, that is a very high figure and that is a figure which, if we are not careful, may well gallop into unmanageable proportions. We should not go on borrowing, go on spending and load generations yet unborn with debts that they will have to try and solve.

Mr Speaker, Sir, we do know that in one neighbouring country, for example, they had got up debts of about, I think, US \$5,000 million and then they calmly told the creditors, "Sorry, Chum, I can't pay. Why don't you write it off. Be a good chap and write it off". We know that a neighbouring country bought lots of goods of a capital nature which presumably are rotting away.

Mr Speaker, Sir, I do wish to make these few observations on this Bill so that the Government will (a) pay attention to my proposal that some of its investments abroad can well be recalled so as to finance our development projects and (b) we must certainly keep a very keen look, give close attention to this matter of debt servicing where next year it will be in the region of 14.2c. for every dollar that the Treasury gets.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini iaitu pinjaman daripada luar negeri dari \$1,700 juta kepada \$2,000 juta. Saya dapati iaitu satu-satu negara yang hendak maju hendaklah menggunakan wang untuk pembinaan dan pembangunan.

Saya baru pergi keluar negeri, saya tenguk negeri-negeri Afrika, India dan juga negeri-negeri lain, bertuah sangatlah orang-orang Malaysia yang duduk di Malaysia ini, baik dia orang Melayu, orang Cina, orang India—bertuah sangat. Apa sebab bertuah? Negeri ini kaya-raya, negeri ini penuh dengan pembangunan. Jadi memanglah yang dikatakan di dalam pepatah Inggeris, negeri Malaysia ini adalah negeri "milk and honey", memang betul. Sungguhpun dia sebuah negeri yang

kaya, tetapi kita hendak kayakan lagi. Saya pergi ke Afrika baharu-baharu ini bersama dengan Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara. Ada wakil-wakil daripada pihak Pembangunan turut sama. Mereka terperanjat, baharulah dia tahu negeri ini betul-betul kaya, kita pinjam duit betul-betul kita gunakan untuk pembangunan. Di sana hendak berjalan pun payah, sebab jalan tak ada, hendak sekolah pun tak dapat, sekolah menengah pun tak ada, mission school sahaja yang ada. Jadi dengan sebab itu orang Malaysia ini bertuah oieh kerana pinjaman itu bukan kita gunakan membazir, tetapi adalah kita gunakan untuk pembinaan negeri kita, selepas kita mencapai kemerdekaan selama 16 tahun. Nampak sangatlah bagaimana pembangunan-pembangunan, tetapi pembangunan-pembangunan ini yang mustahak sekali adalah kalau dapat pinjaman lebih hendaklah digunakan di luar-luar bandar, kerana banyak pemuda-pemuda terutama sekali pemuda-pemuda bumiputra hari ini tidak ada mempunyai pekerjaan. Barangkali daripada statistik yang dapat mengatakan 6% sahaja orang-orang luar bandar yang tidak mempunyai kerja, saya fikir bukan 6% tetapi 16% tidak mempunyai pekerjaan. Kenapa? Kerana dia tidak registerkan yang dia tidak mempunyai pekerjaan terutama sekali pada hari ini oleh kerana harga getah sudah cukup-cukup murah, harga kelapa cuma 4 sen sebiji. Pada hari ini rancangan-rancangan pembinaan hendaklah dimulakan secara besar-besaran betul. Apa dia, iaitu FELDA. FELDA hendak membuka tanah sebanyak 60,000-70,000 ekar tetapi yang menunggu pada hari ini lebih kurang 7,000 orang lebih yang sudah dapat, sudah imtihan, sudah dipanggil mengatakan tuan-tuan ini adalah menanti. Orang-orang ini menantilah, menanti sebulan, menanti dua bulan, menanti 4 bulan. Jual pondok yang ditumpangnya pada sekeping tanah orang yang sudah dijual, itik dan ayam telah habis dijual, kambing pun sudah dijual, basikal buruk pun sudah dijual, menanti terus menanti. Setahun tidak ada, dua tak ada, akhirnya nanti 4 tahun belum tahu lagi. Cara beginilah kalau dapat pinjaman kalau ditanam dengan oil palm 3 tahun sudah berbuah, dan mengeluarkan hasil, sudah boleh membayar interest yang kita pinjam dari luar negeri. Empat tahun duit ada sudah dipinjam, tetapi tanah sudah dibuka, kononnya tak boleh masuk rakyat ke dalamnya. Apa sebab? Ada sebab-sebab

yang lain oleh kerana paip air tak ada, oleh sebab sekolah belum didirikan, apa sebab jalan belum disiapkan, kerana P.W.D. tak dapat menjayakan tugas-tugasnya. Jadi perkara pinjaman duit daripada luar negeri, saya ingat memang senang mendapatnya, tetapi untuk menjalankan

Tuan Musa bin Hitam: Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat itu, adakah dia sedar bahawa kelambatan mengambil peneroka-peneroka dalam Rancangan FELDA tak ada kena-mengena dengan pinjaman daripada luar negeri.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua, sangkut-menyangkut, oleh kerana duit ini tentulah dapat dari luar negeri, oleh kerana kita hendak membuat satu-satu rancangan-rancangan tentu kata tak cukup duit, hendaklah dipinjam duit itu dari luar negeri. Itu adalah sangkut-menyangkutnya. Itulah sebabnya saya bercakap pada hari ini, bukan menentang Pengerusi FELDA, saya tahu dia bekerja cukup kuat. Ini saya minta supaya dapat dijalankan dengan seberapa segeranya rancangan ini, oleh kerana rakyat sekarang berkehendakkan sangat tanah-tanah yang seperti itu. Kalau dapat pinjaman-pinjaman dari luar negeri.

Selain daripada itu, kalau kita mendapatkan duit daripada luar negeri ini, maka diharap pihak Kerajaan janganlah menggunakan wang-wang ini secara membazir iaitu pada masa dahulu apabila kita hendak buat misalnya paip air, buat paip air bagus, tetapi kita juga buat perigi. Jadi bila paip air sudah sampai, perigi itu tak digunakan oleh rakyat lagi. Cara semacam itu mesti ditengok iaitu kalau paip air hendak dimasukkan ke kampung itu, lebih baik perigi jangan dibena. Dengan sebab itu saya menyokong dengan sepenuhnya di atas pinjaman yang lebih daripada luar negeri ini dan saya harap FELDA tak usah tunggu 4 tahun, tetapi kalau boleh pada tahun hadapan akan dapat menempatkan seramai 7,000 peserta yang sudah menunggu hampir-hampir dua tahun untuk masuk rancangan.

Datuk Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya akan memberikan hujah dan keterangan untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Barang diingat, Tuan Yang di Pertua, bagi

mana-mana negara pun dalam dunia ini hendak meminjam wang daripada pasaran dunia bukan senang dapat. Tetapi saya rasa, Kerajaan Malaysia kita sangat bernasib baik, kerana dengan adanya rancangan yang tertentu di mana wang yang kita pinjam itu akan mendatangkan rancangan-rancangan raksaksa untuk pembangunan negara kita. Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di Pertua, terbahagi kepada dua bahagian.

Pertama, meminjam daripada \$1,700 juta kepada \$2,000 juta dan satu lagi akan meminta kemudahan-kemudahan meminjam pada masa yang akan datang. Kedua-duanya, saya sokong dengan kuat dan pinjaman ini pada fikiran saya nampaknya ialah \$300 juta sahaja lebihnya dan pembangunan kita pada tahun yang akan datang ialah \$1,480 juta. Jadi ini tak cukup. Saya berfikir, kalau minta pada saya 3 kali ganda saya akan menyokong dengan kuatnya memikirkan pembangunan dalam negara kita berjalan dengan begitu pesat, dan wang-wang ini akan digunakan pada projek-projek yang sangat diingini oleh rakyat jelata.

Pembangunan-pembangunan seperti yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Negeri, MARA, UDA dan sebagainya sangat-sangat dahagakan wang, Tuan Yang di Pertua. Dan wang itu satu daripada contoh tauladan yang saya suka kemukakan di sini seperti dua hari sudah, pihak UDA telah membeli sebuah bangunan tinggi (mansion) berharga \$1.8 juta. Jadi saya mengatakan shabas, kerana kalau hendak dibeli hari ini bangunan yang seperti itu sekurang-kurangnya berharga \$2.5 juta. Kita sudah untung tak sampai dalam tempoh 24 jam. Jadi wang itu sangat berguna kepada sebuah negara yang sedia membangun terutama sekali seperti Malaysia kita. Begitu juga kita tengok rancangan yang besar-besaran seperti Johor Tenggara, Jengka Tiga Segi dan sebagainya semuanya ini berkehendakkan wang. Sungguhpun Ahli Yang Berhormat dari Batu mengatakan tiap-tiap ringgit kita pinjam bunganya sampai 14 sen, saya rasa ini tinggi sedikit. Walau bagaimanapun kita mesti cari supaya bunga itu rendah dan saya suka mengemukakan kepada Menteri yang berkenaan iaitu seperti yang telah dan sedang dibuat oleh Nippon Development Bank. Saya dapati, Tuan Yang di Pertua, banyak wang kita terbang kerana para hartawan kita pergi membuat perniagaan di Singapura, Jepun, Taiwan, Hongkong dan sebagainya. Saya harap pada

masa akan datang pihak Perbendaharaan, khasnya Menteri berfikir supaya wang-wang mereka itu diperhatikan, gerak-geri mereka, dan kalau mereka ingin menanam modal di luar negeri, mestilah menerusi Menteri khasnya mesti mendapat kebenaran daripada Bank Negara dahulu. Sebabnya mereka itu bertenaga dengan bersendirian, tak kukuh seperti yang dijalankan oleh Nippon Development Bank. Mereka itu berjalan sebagai sebuah jentera. Jadi bukan sahaja mereka dapat laba yang besar, bahkan negara-negara yang mereka bantu itu umpamanya Malaysia, mereka menghantar technician dan jurutera-nya. Umpamanya Presiden Nixon hantar ke negara ini wang pinjaman dan juga peace corps, sambil mendapat untung yang besar, mereka juga dapat menjalankan kegiatan mengintip dan macam-macam lagi yang akan dapat dijalankan.

Saya suka memberikan pandangan di bawah pinjaman ini pihak Bank Negara patutlah menghantar jurutera awam kita ke negara-negara luar, umpamanya negara kita sudah masyhor dengan kari dan kariah dalam lapangan pertandingan Quran. Ini juga patut diambil peluang oleh Bank Negara supaya dihantarkan orang-orang ini sambil kita meminjam wang, sambil melaburkan wang kita ke negara-negara dalam dunia ini bagi mendapatkan keuntungan dan juga menaikkan nama Malaysia kita dan menanam jarum kita sedikit-sebanyak dalam negara yang lain seperti yang dibuat oleh Peace Corps Amerika dan juga jurutera-jurutera daripada Jepun dan sebagainya. Jadi bermakna membuang seketul batu akan mengenai dua ekor burung.

Meminjam wang di luar negeri, Tuan Yang di Pertua, pada fikiran saya tentulah mendatangkan keuntungan yang besar, kerana kita dapat dua kali untung. Mula-mula kita dapat kepercayaan daripada negara-negara lain di atas perekonomian kita, sambil kita menyimpan wang kita sendiri. Saya langsung tak ragu-ragu di atas pinjaman seperti yang saya katakan tadi berapa ribu juta lagi pun kita dapat pinjaman bermakna akan berfaedah besar kepada negara kita.

Yang akhirnya, Tuan Yang di Pertua, saya suka hendak memberi pandangan terutama sekali Ahli dari Batu barangkali di jurusan ekonomi dia kurang faham sedikit, umpamanya pinjaman yang kita dapat daripada luar negeri dan dipinjamkan pula kepada pihak

MARA. Saya telah difahamkan daripada pihak yang berkenaan Ahli daripada Sabak Bernam yang sekarang menyelenggarakan hal ini, bahawa pinjaman MARA itu digunakan oleh orang Melayu dengan sebaik-baiknya. Dan hahlelual perniagaan MARA ini yang untung besar sekali ialah daripada pinjaman kepada orang-orang Melayu, janganlah daripada mana pihak sekaiupun memikirkan pinjaman daripada Kerajaan kepada pihak MARA dan dari pihak MARA yang disalurkan kepada orang Melayu dengan tujuan menaikkan taraf ekonomi orang Melayu itu cuma bantuan semata-mata. Tidak sekali-kali. Orang Melayu membayar dengan bunga yang tinggi sambil Kerajaan kita menolong, MARA menolong, orang Melayu jadi senang dan jurang ekonomi kita boleh naik dan saya dapati kesemua wang itu dibayar balik oleh orang yang berhutang kepada pihak MARA dengan bunga yang berpatutan dimana pihak MARA untung dan orang-orang yang meminjam pun untung. Inilah hasil wang perkongsian luar negeri itu, dimana kedua-dua pihak mendapat untung yang besar. Dengan hal yang demikian, Tuan Yang di Pertua, saya menyokong kuat atas Rang Undang-undang ini dan saya akhiri ucapan saya dengan menyatakan kalau hendak pinjam tiga kali ganda sekali pun bagi pihak saya akan menyokong dengan sekuat-kuatnya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong dengan kuatnya usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kerana daripada pinjaman inilah akan dapat melaksanakan projek-projek yang dirancang, yang diatur oleh Kerajaan yang akan memberi faedah kepada rakyat di negara yang saya harapkan bahawa wang pinjaman ini akan digunakan segala projek-projek yang ada berupa ekonomi. Hanya satu sahaja, saya gemar mengingatkan kepada Kerajaan supaya mengawasi atas pinjaman-pinjaman yang akan diterima iaitu jangan hendaknya penaklukan ekonomi Malaysia itu oleh pengaruh-pengaruh pinjaman. Ini ingatan saya kepada Kerajaan. Demi menjaga kepentingan negara bilamana ekonomi kita sudah ditakluk oleh negara-negara yang sebagaimana pengaruh pinjaman yang saya sebutkan itu sukar bagi kita membetulkan, maka beban itu, terpulang kepada rakyat bertahun-tahun.

Saya khuatir, Tuan Yang di Pertua, kiranya pengaruh pinjaman ini kelak pentadbiran Kerajaan negeri ini akan mengikuti, akan mengikut nasihat-nasihat daripada negara-negara yang kita pinjam. Tetapi walaumacamana pun atas bijaksana Kerajaan tentulah telah memikirkan masalah ini bagi mengurangkan kebimbangan rakyat perlulah diberitahu dalam masalah ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, Yang Berhormat dari Larut Utara dan juga Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang telah menyokong kuat atas Rang Undang-undang ini. Dan juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu yang tidak menentangkan Rang Undang-undang ini tadi.

Sukalah saya membuat penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara iaitu pinjaman yang kita terima semata-mata ialah pinjaman untuk rancangan pembangunan dan tidak terikat sebarang syarat politik atau lain-lain syarat, dan polisi Kerajaan kita sama ada polisi dari segi politik atau ekonomi dan lain-lain tidak sedikit pun terpengaruh atau terjejas oleh pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada kita. Pendek kata polisi Kerajaan kita berjalan mengikut pertimbangan kita.

Begitu juga sumber-sumber pinjaman yang kita terima bukanlah terbatas kepada satu-satu negeri sahaja. Kita meminjam daripada negeri-negeri yang suka bersahabat dengan kita samada di Amerika, di Eropah ataupun di Asia khasnya Jepun kita tidak kira. Jadi semakin banyak sumber kewangan kita maka semakin memudahkan tindak tanduk kita didalam hubungan luar negeri. Ini jaminan dapat saya berikan kepada Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Batu menimbulkan soal kenapa terlalu tinggi reserve kita di luar negeri, tidakkah boleh kita ambil, kita pakai reserve itu dan digunakan untuk pembangunan. Tuan Yang di Pertua, external reserve atau pun reserve kita ini kita simpan di luar negeri adalah sebagai salah satu perkara yang memberikan kepercayaan kepada negara-negara lain khasnya kepada pamanam-penanam modal daripada negeri-negeri lain yakni sebagai satu tanda bahawa

ekonomi dan kewangan negeri kita ini stable. Ahli Yang Berhormat itu kalau kaji Report-report International Monetary Fund mengenai negeri-negeri yang sedikit sangat reserve antarabangsanya itu biasanya atau umumnya adalah negeri-negeri yang ekonomininya tidak stable, tidak maju dan sebagainya.

Simpanan reserve di luar negeri ini, kalau kita tidak hendak menyimpan reserve di luar negeri, kita boleh juga simpan reserve di dalam negeri. Misalnya kita simpan ketul-ketul emas di dalam Bank Negara sebagaimana juga negeri Amerika Syarikat menyimpan ketul-ketul emas di Fort Knox. Tetapi kalau kita simpan emas sebagai reserve kita tidak sedikit pun mendatangkan hasil yakni pertambahan hasil, sebaliknya akan mengeluarkan perbelanjaan kerana menjaga ketul-ketul emas itu. Jadi mahu tidak mahu kita kena menyimpan reserve dalam bentuk yang lain. Kita kurangkan simpanan kita di dalam bentuk emas seberapa yang boleh dan kita simpan dalam bentuk yang lain yang boleh mendatangkan hasil. Jadi simpanan di luar negeri ini adalah sebagai investment kita yang mendatangkan keuntungan seberapa banyaknya. Dalam masa kita menyimpan reserve kita di luar negeri ini, kita memperhitungkan soal keuntungan seberapa banyaknya. Sebaliknya pula waktu kita meminjam yakni waktu kita meminjam samada daripada Kerajaan-kerajaan asing ataupun daripada badan antarabangsa seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, kita pinjam atas dasar soft loan yakni pinjaman yang lembut. Ertinya bunganya (interestnya) dan lain-lain syarat adalah atas dasar lembut atau longgar. Di sini kalau kita kaji waktu kita menanamkan reserve sebagai tanaman modal di luar negeri kita tanam atas dasar perniagaan kita mendapat keuntungan daripadanya, sebaliknya waktu kita meminjam kita pinjam dengan cara soft loan ataupun dengan syarat-syarat yang longgar dengan bunga yang rendah daripada bunga pasaran, maka dengan cara kasar sahaja pun di sini sudah nampak bahawa dalam masa kita mentadbirkan reserve kita dan dalam masa kita meminjam wang di sini terdapat perbezaan keuntungan selain daripada keuntungan yang kita dapat yakni pinjaman ini generate growth yakni membawa perkembangan atau pertumbuhan dalam bidang ekonomi. Kalau duit kita tidak ada cagaran atau reservenya yang me-

nyokong mata wang kita, saya harap Ahli Yang Berhormat itu maseh ingat lagi tahun 1945 waktu Jepun menyerah kalah, orang kita ada banyak note Jepun yang selalu dipanggil, note gambar daun pisang. Bila Jepun kalah Inggeris datang, note ini sertamerta tidak laku sebab tidak ada satu backing pun di belakang note ini. Kita tidak hendaklah orang-orang yang memegang note kita, yang memegang duit kita ini tahu yang note kita itu tidak ada backing. Kalau demikian halnya, maka kepercayaan dunia, kepercayaan orang ramai kepada matawang kita akan lenyap.

Dr Tan Chee Khoon: Untuk penjelasan, Tuan Yang di Pertua, di dalam ucapan saya, saya tidak mencadangkan untuk menarik balik semua foreign reserve, cuma saya menyuruh Kerajaan Pusat supaya menimbangkan, bolehkah dikurangkan sedikit foreign reserve kita supaya kita tidak payah meminjam begitu banyak daripada luar negeri.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, soal banyak atau sedikitnya berapa jumlah adalah soal *relative*. Jadi pada pandangan Kerajaan reserve yang ada pada kita ini tidaklah terlalu tinggi. Ini pandangan *relative* Kerajaan. Tetapi kalau kiranya Ahli Yang Berhormat itu menjadi Menteri Kewangan pada suatu masa akan datang, itu tidak tahulah, itu soal lain. Kita tidak dapatlah berhujah atas dasar, atas perkara yang pada saya *relative*, lain orang, lain pengukurannya. Inilah sahaja penjelasan saya, Tuan Yang di Pertua.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua, *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diululkan.

RANG UNDANG-UNDANG LANJUTAN KREDIT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Satu Akta untuk meminda Akta Lanjutan Kredit, 1966" dibaca bagi kali kedua.

Akta Lanjutan Kredit telah diluluskan dalam tahun 1966 untuk memberi kuasa kepada Kerajaan membuat peraturan-peraturan pinjaman dengan cara lanjutan kredit. Peraturan-peraturan ini membolehkan bayaran secara tangguhan untuk barang-barang yang diterima oleh Kerajaan dari punca luar. Lanjutan kredit seumpama ini semakin bertambah diadakan oleh kerajaan-kerajaan asing dan pertubuhan-pertubuhan kewangan antarabangsa. Untuk memenuhi keperluan Rancangan Malaysia Pertama, Kerajaan telah menetapkan had kredit seumpama ini sebanyak \$300 juta. Telahpun dianggarkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kedua, banyak lagi pinjaman luar akan dibuat dengan peraturan-peraturan lanjutan kredit dan had pinjaman yang masih boleh dibuat sekarang adalah tidak akan mencukupi. Oleh itu adalah perlu dinaikkan lagi had pinjaman di bawah Akta Lanjutan Kredit, 1966. Adalah dicadangkan bahawa had yang ada sekarang sebanyak \$300 juta dinaikkan kepada \$1,300 juta. Cadangan tambahan sebanyak \$1,000 juta di bawah Akta ini adalah bertujuan bukan saja untuk meliputi Rancangan Malaysia Kedua tetapi juga untuk pinjaman-pinjaman yang akan terus dibuat dalam masa selepas Rancangan Malaysia Kedua nanti.

Untuk memudahkan peraturan memenuhi keperluan-keperluan masa depan dan untuk mengelakkan pindaan-pindaan dibuat berulang kali, adalah dicadangkan bahawa satu peruntukan dimasukkan supaya had yang dibenarkan di bawah Akta boleh dinaikkan dengan cara satu usul di dalam Dewan Rakyat.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU, SARAWAK DAN SABAH) (PINDAAN)

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi meminda Akta Eksais 1961 negeri-negeri Tanah Melayu, Ordinan Eksais Sarawak (Bab 27) dan Ordinan Eksais, 1959 Sabah, dibaca kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Seksyen 7, Akta Eksais, 1961 Malaysia Barat, Seksyen 3 Ordinan Eksais Sarawak (Seksyen 27), dan Seksyen 3 Ordinan Eksais Sabah, 1959.

Mengikut Seksyen 7, Akta Eksais, 1961 Malaysia Barat, Menteri Kewangan boleh dari semasa ke semasa melalui perintah yang diwartakan dalam *gezet* menentukan cukai-cukai eksais yang hendak dikenakan ke atas mana-mana barang keluaran tempatan. Perintah seperti itu hendaklah dibentangkan di Dewan Rakyat pada persidangan yang akan datang. Sekiranya perintah itu tidak disahkan oleh Dewan Rakyat dalam tempoh 10 hari daripada masa dibentangkan, perintah itu akan luput berkuatkuasa dan seterusnya semua cukai eksais yang telah kena berikutan daripada perintah itu hendaklah dibayar balik kepada orang-orang yang telah dikenakan cukai itu. Peruntukan-peruntukan yang sama adalah juga diadakan di bawah Seksyen 3 Ordinan Eksais Sarawak (Bab 27) dan Seksyen 3 Ordinan Eksais Sabah, 1959.

Adalah difikirkan dari segi amalannya bahawa tempoh 10 hari itu adalah terlampau sengkat terutama sekali apabila pertukaran-pertukaran dalam cukai eksais diumumkan dalam ucapan beianjawan Menteri Kewangan. Dengan itu adalah dicadangkan bahawa tempoh ini dipanjangkan selama 11 hari lagi menjadi 21 hari.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi meminda Akta Kastam, 1967 dibacakan kali keduanya.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda perenggan kecil 2 Seksyen 11 Akta Kastam, 1967 dengan menggantikan perkataan "ten" dan di mana-mana yang dinyatakan dengan di ganti perkataan "twenty-one".

Seperti yang berhormat ahli-ahli sedia maklum bahawa Dewan ini telah pun meluluskan Rang Undang-undang bagi me-

minda Undang-undang Eksais Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak bagi tujuan memanjangkan tempoh bagi perintah-perintah cukai eksais yang dibentangkan di Dewan ini bagi pengesahan, daripada 10 hari kepada 21 hari di atas sebab-sebab yang telah pun saya terangkan semasa mencadangkan Rang Undang-undang itu tadi. Bagi tujuan yang serupa, adalah dicadangkan sekarang ini pindaan-pindaan yang serupa juga dibuat kepada perenggan kecil 2 Seksyen 11 Akta Kastam, 1967 seperti yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN) (No. 3)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Pencen, 1951 dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk membuat pindaan-pindaan kepada setengah-setengah peruntukan yang terkandung di dalam Ordinan Pencen, 1951.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, dalam Aturan Urusan Mesyuarat, agenda yang ke tujuh ialah Rang Undang-undang Bank.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Barangkali Ahli Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan waktu dibuat satu Usul mengikut Aturan Mesyuarat 14 (2) supaya Majlis ini meneruskan kepada Butiran 9, 10 dan 12, selepas selesai menimbangkan perkara 6. Usul itu telah diluluskan oleh Dewan ini tadi.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak ada di sini, mungkin beliau tidak tahu. Tuan Yang di Pertua, izinkan saya memanjangkan ucapan saya.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Silakan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Sebagaimana dipinda oleh Akta Pencen (Pindaan) (No. 2), 1972 untuk melaksanakan beberapa syor-syor berkenaan dengan faedah-faedah persaraan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya di Raja mengenai Perkhidmatan-perkhidmatan Perguruan di Malaysia Barat. Pada amnya dipanggilkan Suruhanjaya ini Suruhanjaya Aziz.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda dua peruntukan tertentu yang terkandung di dalam Ordinan Pencen, 1951. Sebagaimana yang dipinda seperti yang tersebut di atas, iaitu (a) taarif Public Service in the Federation dalam Seksyen 2 kepadanya dan (b) perenggan (d) di dalam Seksyen 6 padanya yang sekarang ini hanya menyentuh tempuh perkhidmatan dalam mana carumancaruman adalah dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sahaja. Syor-syor Suruhanjaya Aziz mengenai tangga-tangga gaji bersih dan syarat-syarat perkhidmatan termasuk faedah-faedah persaraan bagi perkhidmatan-perkhidmatan perguruan Malaysia Barat melibatkan dua golongan besar pekerja-pekerja, iaitu (a) pegawai-pegawai dan guru-guru dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Pelajaran dan Perguruan Kerajaan dan (b) pegawai-pegawai dan guru-guru dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Pelajaran dan Perguruan bukan Kerajaan. Pekerja-pekerja dalam golongan (a) ataupun golongan (b) yang memilihkan pertukaran kepada sistem gaji bersih yang disyorkan oleh

Suruhanjaya Aziz akan dijadikan anggota-anggota dalam Perkhidmatan Pelajaran yang baharu sahaja ditubuhkan dan mereka ini akan tertakluk bagi maksud faedah-faedah persaraan kepada peruntukan-peruntukan Ordinan Pencen, 1951.

Sebagaimana dipinda oleh Akta Pencen (Pindaan) (No. 2), 1952, pekerja-pekerja dalam golongan (a) sebagai pekerja-pekerja Kerajaan sebelum bertukar kepada sistem gaji bersih memang pun telah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Ordinan Pencen, 1951. Oleh yang demikian apabila bertukar kepada sistem gaji bersih, maka peruntukan-peruntukan Ordinan Pencen, 1951 sebagaimana yang dipinda seperti yang tersebut di atas dengan sendirinya berkuatkuasa untuk menentukan perkhidmatan kelayakan (qualifying service) dan perkhidmatan berpencen mereka bagi maksud faedah-faedah persaraan bagi perkhidmatan mereka sebelum dan selepas pertukaran kepada sistem gaji bersih itu. Sebaliknya pekerja-pekerja dalam golongan (b) sebelum bertukar kepada sistem gaji bersih bukanlah pekerja-pekerja Kerajaan, mereka menjadi pekerja-pekerja Kerajaan hanya apakala bertukar kepada sistem gaji bersih dan dengan itu memasuki Perkhidmatan Kerajaan sebagai Anggota-anggota Perkhidmatan Pelajaran.

Perkhidmatan mereka yang lalu sebagai Perkhidmatan Pelajaran bukanlah Perkhidmatan Awam di dalam Persekutuan, (Public Service in the Federation). Mengikut makna taarif yang terdapat sekarang ini dalam Seksyen (2) Ordinan Pencen, 1951, dan oleh kerana itu tidaklah boleh diambilkan untuk menentukan perkhidmatan kelayakan dan perkhidmatan berpencen mereka, akan tetapi Suruhanjaya Aziz sudah bermaksud bahawa perkhidmatan mereka yang lalu itu adalah diambil kira sedemikian. Maksud ini telah pun tertera di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10, 1971, yang telah melaksanakan syor-syor Suruhanjaya itu mengenai tangga-tangga gaji bersih dan syarat-syarat perkhidmatan bagi perkhidmatan-perkhidmatan Perguruan Malaysia Barat.

Pindaan kepada taarif Public Service in the Federation yang terdapat sekarang di dalam Seksyen 2 Ordinan Pencen, 1951 dengan cara yang dicadangkan akan mencapai maksud itu. Pindaan yang berikut kepada perenggan (d) yang terdapat sekarang

dalam Seksyen 6 Ordinan Pencen, 1951 ada pun diterangkan dengan penuh di dalam Huraian-huraian kepada Rang Undang-undang itu.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri (Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MENTERI MUDA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta bagi meminda Akta Menteri Muda, 1960 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan-tujuan Rang Undang-undang ini ialah hendak meminda perenggan 3 dalam Jadual kepada Akta Menteri Muda, 1960 iaitu peruntukan berhubung dengan pembayaran elaun hidup, supaya selaras dengan peruntukan yang bersamaan dalam Jadual kepada Ordinan Menteri (Saraan), 1957.

Perenggan 3 dalam Jadual kepada Akta Menteri Muda, 1960 yang dibuat lebih 10 tahun yang lalu menetapkan bahawa elaun hidup (subsistence allowance) se-

banyak \$35 bagi tiap-tiap 24 jam atau sebahagian darinya hendaklah dibayar kepada seseorang Menteri Muda apabila ianya keluar bertugas lebih 20 batu dari bandar Ibu Pejabatnya.

Tuan Yang di Pertua, di mesyuarat yang lepas, Dewan ini telah meluluskan kenaikan elaun hidup (subsistence allowance) bagi ahli-ahli Parlimen daripada \$35 menjadi \$50. Berikutan dengan keputusan ini, maka Kerajaan telah bersetuju meluluskan pula kenaikan elaun hidup bagi Yang Berhormat Menteri-menteri Muda daripada \$35 menjadi \$50 iaitu selaras dengan kadar elaun hidup bagi ahli-ahli Parlimen. Kenaikan ini dicadang akan berkuatkuasa sebaik-baik sahaja Rang Undang-undang ini diluluskan.

Kadar elaun hidup sebanyak \$50 yang dicadangkan itu adalah dianggap sebagai satu kadar yang menasabah apabila memikirkan bahawa bayaran hotel dan lain-lain perbelanjaan penginapan di masa ini adalah lebih tinggi dari kadar-kadar bayaran yang terdapat 10 tahun yang lalu, dengan bertambahnya beberapa kemudahan-kemudahan moden di hotel-hotel. Malahan kadar elaun hidup sebanyak \$50 itu mungkin berkehendakkan pindaan dari masa ke semasa memandangkan perubahan-perubahan dari segi taraf hidup dan nilai matawang yang kini kian berubah dari masa ke semasa dalam context pembangunan dan kemajuan negara seluruhnya.

Tuan Yang di Pertua, pindaan yang dicadangkan sekarang ini sepertimana yang dijelaskan dalam huraian kepada Rang Undang-undang tersebut bermaksud supaya ketetapan mengenai kadar elaun hidup (subsistence allowance) bagi Yang Berhormat Menteri-menteri Muda di tetapkan oleh Kerajaan tanpa meminda Akta Menteri Muda, 1960 iaitu selaras dengan apa yang diperuntukkan oleh Ordinan Menteri (Saraan), 1957.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN TRENGGANU TENGAH

Bachan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri (Datuk Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di Pertua, saya mohon izin supaya Rang Undang-undang yang bertajuk "suatu Akta bagi memperbadankan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah dan bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya" dibaca bagi kali yang keduanya.

Lembaga yang ditubuhkan oleh Akta ini, Tuan Yang di Pertua, akan bertanggungjawab bagi pembangunan yang segera dan seimbang dalam Kawasan Trengganu Tengah. Kawasan ini adalah satu-satunya kawasan yang mengandungi peluang-peluang bagi pembangunan pertanian, dan ianya meliputi daerah-daerah Kemaman, Dungun dan sebahagian daerah-daerah Marang dan Ulu Trengganu yang meliputi lebih kurang 300,000 ekar.

Tuan Yang di Pertua, kita semua sedar bahawa Negeri Trengganu adalah satu daripada negeri-negeri yang agak ketinggalan dalam usaha pembangunan di negara kita hari ini. Ianya mengalami beberapa masalah, umpamanya, kekurangan infrastruktur, guna tenaga yang terlatih dan keadaan kewangan yang agak sempit. Bagi menghadapi masalah-masalah ini dan untuk memperhebatkan lagi pembangunan di negeri ini, satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan pada bulan Mac tahun ini. Pasukan Petugas ini telah ditugaskan untuk mengesan dan menyiapkan projek-projek pembangunan yang tertentu untuk dilaksanakan dengan segera oleh Kerajaan

dan juga pihak swasta dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Kedua dan seterusnya. Tujuan yang utama bagi pembangunan negeri ini, ialah untuk mengadakan peluang-peluang pekerjaan yang banyak dan juga untuk meninggikan pendapatan penduduk-penduduk Negeri Trengganu, dan saya yakin, Tuan Yang di Pertua, pembangunan yang pesat bagi kawasan Trengganu Tengah ini akan memainkan satu peranan yang penting dan besar dalam mencapai objektif-objektif ini dan juga dalam memenuhi matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru negara kita.

Tuan Yang di Pertua, Kawasan Trengganu Tengah ada mengandungi banyak tanah yang sesuai untuk pembangunan pertanian secara besar-besaran. Tetapi kebanyakan daripada tanah-tanah ini masih lagi sukar hendak dibuka oleh sebab ketiadaan jalan-jalan raya. Kawasan ini juga kaya dengan bahan-bahan kayu yang boleh menampung industri-industri yang berasaskan kayu. Bagi mempercepatkan lagi pembangunan pertanian di kawasan-kawasan tersebut, Tuan Yang di Pertua, Pasukan Petugas telah mengesyorkan supaya sebatang jalan raya di kawasan ini dibina dengan segera, iaitu di antara Jerangau dan Jabor, serta jalan-jalan kecil yang lain yang dianggarkan menelan belanja sebanyak \$55 juta. Sukacita saya nyatakan di sini, Tuan Yang di Pertua, bahawa persediaan bagi membina jalan raya ini sedang dijalankan dengan giatnya sekarang. Jalan raya ini akan juga disambungkan ke Pelabuhan Baru di Tanjong Gelang, Kuantan. Satu rancangan pembangunan tanah sebanyak 73,000 ekar telahpun dirumuskan untuk dilaksanakan oleh agensi-agensi seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Syarikat Kerjasama Pekebun-pekebun Kecil dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri (SEDC). Rancangan ini dianggarkan menelan belanja sebanyak \$68 juta, dan akan mengadakan peluang-peluang pekerjaan bagi kira-kira 12,000 orang penduduk di kawasan Trengganu Tengah apabila dilaksanakan dengan sepenuhnya. Penyertaan pihak swasta dalam aktiviti-aktiviti pembangunan tanah dan lain-lain lagi akan juga digalakkan, dan kawasan-kawasan tanah yang sesuai disediakan untuk memenuhi keperluan ini. Tuan Yang di Pertua, selain daripada

usaha-usaha menanam getah dan kelapa sawit, beberapa usaha lain akan juga diberi keutamaan seperti, menanam buah-buahan, mengeluarkan hasil-hasil pertanian lain dan juga ternakan lembu, sebagai usaha mempelbagaikan rancangan pertanian kita. Tuan Yang di Pertua, konsep pembangunan kawasan Trengganu Tengah adalah berasaskan kepada pembangunan yang "integrated" yang mengandungi antara lainnya penubuhan beberapa buah pusat-pusat bandar. Pusat-pusat bandar ini akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan infrastruktur moden bagi memenuhi keperluan-keperluan peneruka-peneruka baharu dan penduduk-penduduk yang sedia ada di kawasan ini.

Tuan Yang di Pertua, untuk mengambil tindakan-tindakan yang cepat dan tegas supaya pembangunan kawasan ini dijalankan secara seimbang, kedua-dua Kerajaan Pusat dan Negeri telah bersetuju untuk menubuhkan satu Lembaga yang kuat dan efektif, seperti Lembaga-lembaga Kemajuan Johor dan Pahang Tenggara. Kerajaan telah mengkaji dengan teliti perkara ini dan yakin perlunya sebuah Lembaga ditubuhkan dengan segeranya bagi mengusaha dan mempercepatkan pembangunan di kawasan ini.

Lembaga ini, Tuan Yang di Pertua, akan ditubuhkan sebagai satu perbadanan dan sepertimana yang tersebut di dalam Ceraian 5 (1) Rang Undang-undang ini, Lembaga ini akan terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, seorang wakil Kerajaan Pusat dan dua orang wakil Kerajaan Negeri Trengganu. Sukacita saya menambah di sini, Tuan Yang di Pertua, bahawa semua ahli-ahli Lembaga ini, dalam menjalankan tugas-tugas mereka sebagai ahli-ahli sedemikian, adalah kakitangan Kerajaan dalam erti kata Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di Pertua, sepertimana yang dibekalkan di bawah Ceraian 9, Lembaga ini akan bertugas cuma di kawasan atau kawasan-kawasan di Negeri Trengganu. Ini akan ditentukan oleh Menteri yang berkenaan dengan persetujuan Kerajaan Negeri Trengganu, dan kawasan atau kawasan-kawasan ini akan dikenali sebagai Kawasan Trengganu Tengah.

Tuan Yang di Pertua, fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa Lembaga ini akan diperuntukkan di bawah Bahagian 2 Rang Undang-

undang ini. Dengan ringkasnya, Lembaga ini akan bertanggungjawab melaksanakan rancangan pembangunan kawasan itu termasuk rancangan kegunaan tanah selaras dengan dasar Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Trengganu. Untuk mencapai matlamat tersebut Lembaga ini akan diberi kuasa untuk memaju, menggalak, mengusaha dan mengawalkan pembangunan tempat tinggal, pertanian, infrastruktur dan perdagangan di dalam kawasan ini.

Selanjutnya, Tuan Yang di Pertua, Lembaga ini akan mempunyai kuasa untuk menilai dan meluluskan semua kegunaan tanah dan semua perbelanjaan kapital bagi Badan-badan Kerajaan di dalam kawasan ini, Sungguhpun kuasa-kuasa yang diberikan kepada Lembaga ini amatlah luas, adalah diperhargai yang kuasa-kuasa sedemikian adalah perlu, memandangkan kepada tanggungjawab yang berat yang diletakkan kepada Lembaga ini untuk memperoleh hasil-hasil yang berkesan.

Tuan Yang di Pertua, peruntukan-peruntukan kewangan, termasuk peruntukan berhubung dengan kuasa memberi pinjaman, kuasa meminjam dan kuasa melabur adalah dibekalkan di bawah Bahagian IV Rang Undang-undang ini. Kumpulanwang yang akan ditadbirkan oleh Lembaga ini mengandungi peruntukan-peruntukan oleh Parlimen atau Dewan Negeri. Kumpulanwang ini termasuk juga jumlah-jumlah wang yang diadakan untuk Lembaga ini dari semasa ke semasa dari kumpulanwang pinjaman, wang yang didapati daripada menjalankan apa-apa projek, sekim atau enterprais yang dibiayai oleh Lembaga bagi tujuan menjalankan mana-mana daripada kewajibannya. Saya suka menegaskan, Tuan Yang di Pertua, bahawa cadangan-cadangan perbelanjaan Lembaga untuk tahun yang akan datang, hendaklah dikemukakan kepada Menteri yang berkenaan untuk diluluskan. Menteri yang berkenaan juga akan dibekalkan dengan satu salinan penyata kira-kira Lembaga yang telah dioditkan dan ini akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

Akhir kata, Tuan Yang di Pertua, saya suka menyatakan bahawa tindakan yang serentak sedang diambil oleh Dewan Negeri Trengganu untuk menguat-kuasakan pindaan kepada Kanun-kanun Negeri yang berkenaan, bagi membolehkan Lembaga ini menjalankan fungsi-fungsinya dengan berkesan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 33 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SABAH) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya bangun sekali lagi untuk mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan), 1972 dibacakan untuk kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda beberapa peruntukan di dalam Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Bab 156) yang peruntukan pemberian pencen kepada balu dan anak yatim Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Sabah. Pindaan-pindaan ini adalah perlu untuk melaksanakan syur-syur berkenaan dengan faedah-faedah pesaraan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya di Raja atas perubahan gaji dan syarat-syarat perkhidmat dalam perkhidmatan awam. Pindaan-pindaan tersebut yang akan dibuat sepertimana tercatat dalam Rang Undang-undang itu akan

menyebabkan dua akibat besar terhadap pendaftaran ahli-ahli di dalam skim Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah dan terhadap caruman Kerajaan yang dibuat kepada skim itu. Akibat pertama ialah pegawai-pegawai yang dilantik ke jawatan berpencen atau yang memegang jawatan berpencen pada atas selepas 1 November, 1971 adalah tidak layak mencarum kepada skim itu. Dengan lain perkataan, pendaftaran ahli-ahli adalah tertutup sejak tarikh itu.

Akibat kedua ialah caruman Kerajaan kepada skim itu bagi pihak tiap-tiap pen-carum akan berhenti pada 30 Jun, 1972. Sebab-sebab mengapa hendak dilaksanakan kedua-dua perubahan yang disebutkan itu adalah senang dan jelas. Sebabnya ialah semata-mata untuk mengilakkan Kerajaan daripada membayar dua pencen kepada balu dan anak yatim pegawai-pegawai yang mencarum kepada Skim Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah.

Di bawah seksyen 11, Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah, Bab 156, Kerajaan membuat caruman mengikut kadar yang tertentu bagi pihak setiap pegawai-pegawai yang mencarum. Dengan pelaksanaan sistem gaji bersih ke Sabah, Skim Pencen Keluarga Terjamin yang telah diperkenalkan baru-baru ini adalah dengan otomatiknya dikenakan kepada pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam Sabah.

Di bawah skim baru itu Kerajaan juga memberi tanggungan bagi faedah orang-orang tanggungan selama tempuh tidak melebihi 12½ tahun dan semua kes-kes seperti itu maka Kerajaan terpaksa mengadakan dua tanggungan bagi pencen orang-orang tanggungan kepada pegawai-pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Sabah. Oleh kerana Kerajaan tidak pernah mengamalkan pembayaran dua faedah atau lebih kepada pesara-pesara yang sama, maka satu daripada dua faedah itu haruslah diberhentikan.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan menghentikan caruman Kerajaan kepada skim Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah kepada 30 Jun, 1972 terhadap pegawai-pegawai yang memilih kadar-kadar gaji Suffian. Berasaskan sebab-sebab yang sama pegawai-pegawai yang dilantikkan di bawah kadar-kadar gaji Suffian atau yang menjadi pegawai-pegawai berpencen kepada atau selepas 1 November, 1971 iaitu tarikh pada mana dikeluarkan Pekeliling Perkhidmatan

yang melaksanakan sistem gaji berseih adalah dikecualikan daripada mencarum kepada sekim Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah.

Adalah ditegaskan, Tuan Yang di Pertua, iaitu perubahan-perubahan yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini adalah semata-mata perubahan yang berikutan dari pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya di Raja atau diubah gaji dan syarat-syarat perkhidmatan di dalam Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di Pertua, saya mencadangkan Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di perintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SARAWAK) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya bangun sekali lagi untuk mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) di baca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, tujuan Rang Undang-undang adalah sama seperti dengan tujuan Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan), 1972 yang saya cadangkan baharu-baharu ini iaitu untuk membuatkan pindaan bagi melaksanakan syur-syur Suruhanjaya Suffian yang sama

maksudnya. Sepertimana saya sebutkan dalam ucapan dahulu di dalam Pindaan Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah), 1972 tadi, akibat pindaan-pindaan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini ialah bagi menutupkan pendaftaran pencarum-pencarum baru ke dalam Skim Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak mulai daripada 1 November, 1971. Dan bagi mengehentikan pada 30 Jun, 1972 caruman Kerajaan kepada Skim itu. Sebab-sebabnya sekali lagi ialah supaya mengelakkan pembayaran dua pencen kepada tanggungan-tanggungan pegawai-pegawai yang berkenaan di dalam bentuk Pencen Balu dan Anak Yatim di bawah skim tersebut dan pencen terbitan yang disyurkan oleh Suruhanjaya Suffian itu. Sekali lagi ditegaskan, Tuan Yang di Pertua, iaitu perubahan-perubahan yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini adalah semata-mata berlanjutan daripada pelaksanaan syur-syur Suruhanjaya Suffian ke Sarawak.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyampaikan tahniah kepada Menteri yang berkenaan oleh kerana beliau telah mencadangkan Rang Undang-undang ini diperbahaskan dalam Parlimen pada hari ini. Akan tetapi saya hendak menyentuh, ada sedikit perkara mengenai Rang Undang-undang ini. Oleh kerana menurut kenyataan yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, undang-undang ini akan dikuatkuasa pada bulan November, 1971, oleh kerana hal yang demikian saya merayu kepada Kerajaan supaya Yang Berhormat Menteri boleh memperbaiki Undang-undang ini leboh baik lagi, oleh kerana saya berpendapat, Tuan Yang di Pertua, kebanyakan anak yatim dan balu-balu dinegara kita ini, ini bukan perkara yang senang-senang diuruskan, akan tetapi oleh kerana kebanyakan balu-balu dan anak yatim di dalam negara kita ini telah ditinggalkan bapa-bapa ataupun suami-suami mereka oleh kerana jasa baik kepada negara. Saya mohon kepada Kerajaan supaya Kerajaan dapat memberikan pertimbangan yang sesuai agar undang-undang ini akan dijalankan leboh awal lagi, bukan mengikut kenyataan Yang

Berhormat Menteri tadi akan dikuatkuasakan pada tahun 1971 yang lepas. Oleh kerana, Tuan Yang di Pertua, perajurit-perajurit yang telah meninggal, anak yatim dan balu-balu, yang telah bertugas di negara kita ini, mereka telah berkhidmat sebegini lama dan telah membuang nyawa mereka untuk jasa baik negara kita. Saya memohon agar Kerajaan dapat memperbaiki Rang Undang-undang ini lebih baik lagi pada yang ada sekarang. Saya minta juga supaya Rang Undang-undang Pecen Balu dan Anak Yatim ini adalah dibuat selaras bagaimana yang dilakukan di Malaysia Barat juga. Sekian terima kasih.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Baram yang telah memberikan kerjasama dan mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan. Saya suka mengatakan iaitu di dalam cadangan seperti yang saya terangkan tadi hanya menutupkan pendaftaran pencarum-pencarum dalam Sekim Pecen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) mulai 1hb November, 1971. Dan ini bermakna Sekim itu telah pun berjalan sebelum daripada itu dan bagi menghentikan pada 30 haribulan, caruman Kerajaan pada Sekim itu. Ini bermakna seperti kata Yang Berhormat tadi adalah di dalam perhatian Kerajaan supaya menyelaraskan kedudukan yang sama di antara Malaysia Barat dan Timur. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUTIPAN DARI RUMAH KE RUMAH DAN LORONG-LORONG (PINDAAN)

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang bertajuk Akta Kutipan Dari Rumah ke Rumah dan Lorong-lorong (Pindaan), 1972 dibacakan bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di Pertua, ialah untuk menggantikan perkataan "Commissioner of Police" yang masih digunakan di dalam Ordinan Kutipan dari Rumah ke Rumah dan Lorong-lorong, 1947. Pindaan yang dicadangkan itu adalah seperti berikut:

- (a) dengan memotong takrif "Commissioner of Police";
- (b) dengan memasukkan selepas sahaja takrif "House" takrif yang berikut:
"Inspector-General" means the Inspector-General of Police as defined by section 2 of the Police Act, 1967"; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Commissioner of Police" yang terdapat didalam perenggan (b) dalam takrif "the licensing officer" dengan perkataan "Inspector-General".

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG IMIGERESEN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang yang bertajuk Rang Undang-undang Imigeresen (Pindaan), 1972 dibaca bagi kali yang kedua.

Pada 5hb Jun, 1969 apabila negara ini berada dalam dharurat akibat daripada peristiwa 13 Mei, satu pengubahsuaian kepada seksyen 12 Akta Imigeresen (No. 27) Tahun 1963 telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Pengarah Gerakan Negara, Malaysia mengikut kuasa-kuasa yang diberikan kepada beliau di bawah seksyen 2 di bawah Ordinan Dharurat (Kuasa-kuasa Perlu), 1969.

Pengubahsuaian yang telah dibuat oleh Peraturan-peraturan Perlu Imigeresen Negeri-negeri Borneo, 1969 itu ialah menukarkan tafsiran kepada makna "State authority" di bawah Seksyen 12 Akta Imigeresen daripada "Chief Minister of Borneo States" kepada "Chairman of the State Operations Committee of the Borneo States established under the Emergency (Essential) Powers Ordinance No. 2/1969".

Adalah disyorkan sekarang supaya pengubahsuaian yang dibuat melalui Peraturan-peraturan Perlu Imigeresen Negeri-negeri Borneo, 1969 ini dimansuhkan dan dipulihkan semula kepada tafsiran asalnya Seksyen 12 Akta Imigeresen, 1963 itu. Pihak berkuasa Negeri-negeri Sabah dan Sarawak telahpun diberi tahu mengenai pindaan ini mengikut kehendak-kehendak Perkara 161E (4) Perlembagaan. Sekiranya undang-undang ini diluluskan maka peraturan-peraturan Perlu (Imigeresen) (Negeri-negeri Borneo), 1969 itu dengan sendirinya termansukh.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBANDARAN (PINDAAN) (No. 2)

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama "satu Akta untuk meminda Ordinan Perbandaran" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini mudah difahami dan sepertimana yang telah dijelaskan di dalam keterangan kepada Rang Undang-undang itu, bertujuan meminda Seksyen 29 Ordinan Perbandaran (S.S. Cap. 133) supaya membolehkan perbandaran membayar daripada Kumpulanwang Perbandaran, perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat oleh pegawai-pegawai dan ahli-ahli majlis ketika menjalankan tugas-tugas resmi di luar kawasan perbandaran dan ketika menghadiri mesyuarat-mesyuarat di persidangan-persidangan yang diselenggarakan di Malaysia untuk memajukan pentadbiran Kerajaan Tempatan. Nyata bahawa ketiadaan peruntukan begitu di dalam undang-undang, adalah satu perkara yang tidak realistik, dalam ertikata bahawa tanpa peruntukan sedemikian, tidak mungkin dibayar perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat oleh pegawai-pegawai ketika menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di Kementerian ini dan di Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian yang berkaitan di Ibu Kota dan juga perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat oleh pegawai-pegawai dan ahli-ahli majlis ketika menghadiri mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Badan-badan Perbandaran yang biasanya mengadakan mesyuarat-mesyuarat tiga bulan sekali mengikut giliran, dan tiap-tiap negeri di mana terdapat perbandaran-perbandaran yang menjadi ahli. Peluang juga diambil

untuk meminda Seksyen 29 supaya membolehkan Pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Majlis menyertai apa-apa persidangan atau seminar yang diselenggarakan di Malaysia untuk memajukan pentadbiran Kerajaan Tempatan.

Saya juga ingin menambah bahawa sepertimana yang dikehendaki di bawah perkara 95A Perlembagaan Malaysia, Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan pada Mesyuarat-mesyuaratnya yang telah diadakan baru-baru ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Akta Bagi meminda Ordinan Perbandaran yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya cuma hendak bercakap sedikit, sahaja, Tuan Yang di Pertua, dalam perkara perbandaran-perbandaran ini dengan tujuan mengadakan peruntukan bagi membayar perbelanjaan-perbelanjaan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan yang sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat dan kerana memajukan Majlis Perbandaran. Jadi ada empat perkara yang berkaitan dalam masaalah ini, dan ini juga menjadi satu kegelisahan kepada rakyat yang duduk dalam bandar pada masa ini, dan saya akan butirkan satu persatu. Masaalah yang sedang dialami oleh bandar dalam negeri ini khasnya bandar-bandar yang besar-besar ialah mengenai kesesakan lalu-lintas, satu. Yang kedua setingan. Yang ketiga, taksiran cukai harta yang baharu ini terlalu tinggi. Yang keempat, kesihatan. Banyak bandar dengan arahan-arahan Kerajaan Negeri supaya disusun semula supaya muka bandar itu pada masa depan dapat teratur dan menarek.

Kesesakan lalu-lintas yang ada dalam bandar-bandar itu patut dibetulkan supaya di masa yang akan datang kemalangan jalanraya itu tidak akan bertambah dari sehari kesehari. Kerana perkembangan negara kita ini berhubung dengan kenderaan dan pengangkutan bertambah banyak dari satu masa kesatu masa.

Yang kedua dalam masaalah menghadapi setingan yakni rumah-rumah. Sekarang disetengah-setengah bandar rumah itu terlampau sempit, rakyat terpaksa duduk di bandar dengan sesak-sesak dan mereka tidak menghiraukan perintah Kerajaan salah membuat rumah haram mereka terus membuatnya. Walaumacammata pun Kerajaan bersempati dalam masaalah ini, Kerajaan telah mengadakan bangunan-bangunan rumah pangsa, khasnya di bandaraya Kuala Lumpur ini dan setengah-setengah tempat lain, tetapi malangnya rumah-rumah pangsa itu menakutkan penghuni-penghuni di situ kerana rumah itu terlalu sengit dan pecah. Ini satu masaalah yang patut diperhatikan oleh Jurutera Negeri ataupun Bandaraya ini dalam membena rumah-rumah pangsa lagi yang akan datang.

Yang ketiga, Tuan Yang di Pertua, kesihatan. Kesihatan penghuni bandar-bandar itu patut kita perhatikan kerana setengah-setengah penghuni itu dihingarkan dengan bunyi kereta—kenderaan—enjin, kilang yang berjalan siang dan malam ditambah pula dengan hasap dan habuk menyelubungi mereka dari sehari kesehari. Jadi saya mengharapkan dengan penyusunan bandar pada masa akan datang bahawa perkilangan ini supaya ditempatkan sebuah kawasan yang jauh daripada bandar.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, dalam masaalah penaksiran cukai harta yang baharu dengan tujuan Majlis Bandaran ini untuk mendapatkan wang yang lebih bagi pentadbiran dan memajukan bagi Majlis Tempatan itu, tetapi malangnya usaha ini mengelisahkan rakyat, tidak berupaya membayar cukai yang bertambah hingga lima kali ganda daripada yang ada sekarang. Seperti kita dengar di Bandar Melaka, Batu Pahat, Muar dan Johor Bahru mungkin juga di Bandaraya ini. Kerajaan boleh memberi alasan-alasan yang lunak kepada rakyat, tetapi hati rakyat tidak berupaya terutama sekali, Tuan Yang di Pertua, rakyat bumiputra, rakyat orang Melayu yang keadaan hidupnya tidak berupaya hendak membayar cukai yang begitu besar. Sebab keadaan hidup mereka selain daripada menjadi buruh mereka juga daripada orang-orang bersara. Sekiranya diteruskan pembayaran yang begitu tinggi orang-orang bumiputra ini akan keluar daripada bandar berhijrah tatkala

itu tidak sesuai dengan polisi Kerajaan supaya hendak menjadikan masyarakat bandar ini berbagai-bagai kaum. Jadi masalah ini patutlah kita fikirkan kita cari sumber yang lain atau berikan peluang dengan nilai-nilai yang upaya bagi mereka itu. Saya fikir, Tuan Yang di Pertua, inilah pandangan-pandangan yang saya harap atas kebijaksanaan Menteri yang berkenaan ini memerhatikan. Kita tidak hendak bandar itu molik, tetapi menyakit hati rakyat, menyusahkan rakyat sehingga mereka itu membuatkan satu kumpulan-kumpulan meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyelesaikan masalah dalam bandar ini, masalah ini tidak patut disampaikan kepengetahuan Perdana Menteri umpamanya saya hendak contohkan bandar Johor Bahru atau bandar Batu Pahat dan Bandar Melaka. Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di Pertua, saya adalah menyokong sepenuhnya di atas Rang Undang-undang ini dan saya harap apabila Rang Undang-undang ini telah dipersetujui pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Majlis yang menjalankan kewajipan rasmi dan menghadiri Mesyuarat di negeri-negeri lain dalam Malaysia ini, apabila keluar mereka ini mestilah membuka mata mereka betul-betul supaya apabila balik ke tempat masing-masing meniru betul-betul kebersihan, planning dan sebagainya. Selalu kita meniru. Misalnya pegawai-pegawai pergi ke Singapura kita tenguk macam mana menanam bunga di tepi-tepi jalan, barulah kita menanam bunga. Rekaan sendiri tidak ada daripada pegawai-pegawai kita, jarang, melainkan meniru. Kalau tiru, buat contoh daripada itu. Kalau Jepun membuat sesuatu barang radio umpamanya dia buat sendiri, tetapi radio dia buat lebih baik daripada lain, tetapi kita tidak.

Singapura buat tempat orang-orang yang hendak berniaga itu dia buat elok, kita pun buat juga di sini, tetapi kalau dibandingkan macam mana di Singapura, kalau di Jalan Bukit Timah kita tenguk di tengah-tengah bukan main lawa, bukan main cantik lagi, di mana di Kuala Lumpur yang kita nampak begitu. Buat, buat, tetapi hodoh. Sebabnya pegawai-pegawai ini melanjutkan kerja banyak-banyak. Kita hendakkan pegawai kita pandai, tetapi

biarlah tiru betul-betul. Kalau hendak pakai tai, pakai tai yang cantik sedikit, bergaya; kalau pakai tai buruk tidak berguna. Adalah diharap pegawai-pegawai ini dapat menjalankan tugasnya dengan betul.

Yang kedua, kalau dibanci penduduk penduduk di Kuala Lumpur makin lama makin lebih banyak lagi penduduk-penduduk luar bandar datang ke Kuala Lumpur. Sebab apa, di luar bandar mereka ini susah, mereka datang mencari kerja di dalam bandar, oleh kerana pembangunan-pembangunan di dalam pekan, kerana rumah-rumah Pegawai Tingkatan I, Tingkatan II, dibina di bandar-bandar dengan sebab itu pekerjaan banyak. Kilang-kilang juga banyak, tetapi rumah-rumah buruh, rumah-rumah orang miskin lebih banyak hendak didirikan. Saya tahu bukannya senang hendak membuat rumah ini—saya tahu. Tetapi kalau jawapannya bukan senang sampai bila-bila pun tidak terbuat. Dia buat tiga empat oh! kita sudah buat empat, 4 tingkat, 10 tingkat, 15 tingkat, 20 tingkat, Kerajaan sudah buat—itu tidak boleh jadi. Kalau kita kata begitu, Singapura memanglah boleh buat, oleh kerana Singapura kecil, penduduknya 2 juta, memang Singapura boleh buat. Malaysia ini besar tentu tidak boleh buat. Jadi bukanlah sepertimana alasan yang selalu diberi oleh Menteri-menteri yang bertanggungjawab. Kita bukan kritik, tetapi kita membuat ini adalah satu criticism yang membina, kerana sayangnya maka kita membuat kritik, Tuan Yang di Pertua.

Saya harap buatlah lebih banyak lagi rumah-rumah untuk rakyat. Sebab apa saya katakan begitu, 18 tahun dahulu sebelum merdeka, bukan main banyak tanah-tanah di dalam pekan Kuala Lumpur, sekeliling pekan Kuala Lumpur ini. Pegawai orang putih dahulu kawasannya seluas 10 ekar, 10 ekar kawasannya bagi satu rumah. Hari ini sebuah rumah 10 ekar juga, penduduk sudah ramai, dahulu boleh, tetapi hari ini tidak boleh ambil. Ambil tanah-tanah yang demikian oleh kerana pada hari ini pegawai-pegawai kita telah diberi loan (pinjaman) untuk membuat rumah maka dia tidak gunakan rumah itu lagi. Tanah yang 10 ekar berapa banyak boleh kita membina rumah-rumah, jadi tidak ada dibuat; berapa banyak yang ada di sekeliling Kuala Lumpur ini yang

saya tahu. Kalau misalnya tidak tahu, saya boleh tunjukkan tempat-tempatnya nanti, kalau ditanya. Jadi itulah sebabnya.

Yang ketiga, selalu kita mengekor orang putih sahaja. Apa orang putih itu kata, itulah yang betul, lain semua tidak betul. Dia masih standard itu juga, kalau lain tidak boleh jadi. Jerman standard tidak boleh; American standard pun tidak boleh segala-galanya hendaklah British standard. Ini jugalah, kata kita orang putih belum lagi pergi ke bulan, Amerika sudah pergi ke bulan, jangkanya lebih baik standard Amerika lagi. Dengan sebab itu, kita tidak usahlah ikut cara penjajah selalu, fikiran penjajah sudah berkarat dalam otak kita, mestilah kita kikis betul-betul, oleh kerana kalau tidak dibuat begitu, saya ingat, kalau diam-diamkan lama-kelamaan esok berkarat langsung tidak boleh diubah.

Sekianlah ucapan saya yang pendek dan ringkas. Nasihat saya adalah dari hati ke hati, bukan kerana apa-apa—tidak, kerana sayang kepada Kementerian yang bertanggungjawab atau kerana hendak mengindahkan Bandaraya Kuala Lumpur lebih, Sungai Kuala Lumpur lebih wangi baunya, tepi-tepi Sungai Kuala Lumpur itu ditanam bunga-bunga, bukankah bagus di tepi-tepi sungai itu boleh ditanam bunga, cantik, tetapi tidak ada dibuat. Inilah pandangan daripada saya, betul tidak betul wallah wannabi Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Tuan Yang di Pertua, saya menyokong penoh di atas pindaan Rang Undang-undang bagi meminda Ordinan Perbandaran.

Sebagaimana kita sedia maklum pada masa sekarang ini pentadbiran Majlis-majlis Kerajaan Tempatan berlainan di antara satu dengan tempat lain, dengan adanya pindaan kepada Ordinan Perbandaran ini yang membolehkan Perbandaran itu mengeluarkan wang daripada kumpulan wangnya membiayai pegawai-pegawai yang tertentu dan juga ahli-ahli Majlis untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat atau seminar adalah satu langkah yang bijak bagi membolehkan pegawai-pegawai dan juga ahli-ahli Majlis menghadiri satu mesyuarat dan juga satu-satu seminar untuk mendapatkan pengetahuan dan pengalaman yang lebih lagi. Dengan secara begini dapatlah Majlis-majlis

Bandaran atau Majlis-majlis Tempatan itu ditadbirkan dengan lebih licin dan lebih sempurna pada masa hadapan.

Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri akan menganjurkan satu seminar berkenaan dengan pentadbiran Majlis-majlis Tempatan dan menjemput wakil-wakil daripada Majlis-majlis Tempatan hadir dan membincangkan di atas segala masalah-masalah yang berkaitan dengan pentadbiran Majlis-majlis Tempatan. Dengan cara yang semacam ini dapatlah diselaraskan cara-cara atau dasar-dasar pentadbiran Majlis-majlis kita ini dan saya percaya daripada seminar jika Menteri bersetuju menganjurkan maka akan dapat diperbaiki lagi cara-cara mentadbirkan Majlis-majlis kita yang ada sekarang ini. Saya percaya Yang Berhormat Menteri lebih faham berkenaan dengan pentadbiran Majlis yang ada sekarang ini. Setengahnya kucar-kacir dan setengahnya pendapatan ataupun wang yang didapati daripada hasil yang tidak cukup membelanjakan dan terpaksa berhutang daripada luar, terpaksa diberi tambahan kepada Majlis-majlis yang kurang pendapatannya dan cadangan Yang Berhormat Menteri untuk menyatukan Majlis-majlis yang kecil-kecil ini supaya dijadikan satu Majlis yang besar adalah satu langkah yang bijak juga saya dengar Billnya hendak dibentangkan dalam Dewan ini. Ini satu langkah yang baik.

Tuan Yang di Pertua, selain daripada mengadakan atau menganjurkan seminar, saya berharap pihak Kementerian akan menganjurkan atau mengadakan pusat-pusat latihan bagi pegawai-pegawai Majlis-majlis Tempatan ini. Jikalau tidak boleh diadakan satu tempat khas, patut dipilih Majlis-majlis yang maju supaya pegawai-pegawai yang berkaitan mengenai dengan pelesenan umpamanya, Undang-undang Bangunan ataupun Hawkers' By-law dan lain-lain supaya dapat mereka ini mempelajari daripada Majlis-majlis yang maju dan dapat dibiayai oleh Majlis itu sendiri ke atas pegawai-pegawai yang datang mendapatkan latihan-latihan. Manakala mereka ini balik kelak akan dapatlah menjalankan tugas dengan lebih baik dan sempurna lagi.

Yang ketiga, patut juga Yang Berhormat Menteri ini menggalakkan lawatan sambil belajar dengan cara memilih pegawai-pegawai yang sesuai Majlis-majlis yang sukar hendak

melawat sambil belajar bolehlah dibawa pegawai-pegawai itu ke Majlis-majlis yang difikirkan maju atau ke Ibu Kota ini supaya dapat mereka ini mempelajari apa-apa juga pelajaran berkaitan dengan pentadbiran Majlis-majlis.

Yang keempat, saya ingin mengesyorkan, iaitu dalam perundangan Majlis Negara, iaitu wakil-wakil daripada tiap-tiap majlis patut juga dijemput. Jikalau Ibu Kota ini ada seorang Mayor atau Walikota, patut juga kepala-kepala negeri sebagaimana di Ipoh misalnya, di Pulau Pinang misalnya, di Johor Bahru dan Melaka, perbandaran itu bukanlah ditadbirkan oleh Ketua Menteri, misalnya di Pulau Pinang. Pengerusi Majlis Bandaraya patutlah diseleraskan dengan mengadakan Walikota ataupun Mayor bagi tiap-tiap kepala negeri yang ada dalam negara kita ini. Dengan ini akan memberi satu imej baharu kepada negeri-negeri yang ada sekarang ini dan akhirnya satu perkara yang menjolok mata saya, manakala saya melawat Ibu Kota Kuala Lumpur ini saya lihat pasu-pasu bunga di Kuala Lumpur ini sepanjang jalan tidak ada sebuah pasu bunga pun yang menanam Bunga Kebangsaan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri menyampaikan pendapat saya kepada Walikotanya supaya menanamkan Bunga Kebangsaan, sebab Bunga Kebangsaan iaitu Bunga Raya ada bermacam-macam jenis, lebih kurang 20 jenis.

Dengan secara yang semacam ini akan menarik lagi pelancung-pelancung dan tidak payahlah pelancung-pelancung menanya mana jenis Bunga Kebangsaan, mereka boleh lihat sendiri di jalan-jalanraya kita ada Bunga Kebangsaan. Saya harap dengan secara teguran saya ini diterima dengan baik.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menjawab dengan ringkasnya teguran-teguran dan ucapan-ucapan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, Kuala Selangor dan Seberang Tengah.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Saya suka menyatakan perkara-perkara yang disebutkan oleh mereka akan disampaikan kepada Majlis-majlis yang berkenaan dan saya akan mengambil perhatian atas

ucapan dan tegoran-tegoran Ahli Yang Berhormat itu. Langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian saya dan Kerajaan negeri-negeri untuk menstructure-barukan Majlis-majlis Tempatan.

Tidak lama lagi Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan akan bersidang lagi dan diharap dapat mengambil keputusannya untuk melicinkan lagi pentadbiran Majlis-majlis itu. Sekian sahaja ucapan saya bagi menjawab teguran-teguran oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG (PERANCANGAN) BANDARAYA KUALA LUMPUR

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk mengawal dan memperatur perancangan yang sepatutnya di Bandaraya Kuala Lumpur, untuk melebihi bayaran dan untuk maksud-maksud yang berkaitan dengannya atau sebagai tambahan kepadanya, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda dan menggantikan peruntukan-peruntukan tertentu dalam Ordinan No. 46 Kuasa-kuasa Perlu Darurat, 1970. Di samping itu memasukkan semula Ordinan tersebut ke dalam Undang-undang yang kekal.

Sebagaimana yang tuan sedia maklum, Ordinan No. 46 Kuasa-kuasa Perlu Darurat, 1970 telah diasingkan oleh Yang di Pertuan Agung di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan pada 20hb Ogos, 1970 dahulu. Semenjak Ordinan itu dikuatkuasakan di Bandaraya Kuala Lumpur dari tarikh perisytiharannya sehingga ke hari ini maka dari pengalaman yang telah diperolehi adalah didapati perlu dipinda beberapa peruntukan-peruntukan di dalamnya dan digantikan dengan peruntukan-peruntukan baharu yang lebih bersesuaian dengan perancangan Bandaraya Kuala Lumpur yang sepatutnya.

Rang Undang-undang ini sebagaimana yang dapat dilihat adalah terbahagi kepada sembilan bahagian dan ringkasan-ringkasan kandungan satu-satu bahagian itu adalah diterangkan di bawah tajuk Huraian di muka 54 Rang Undang-undang naskhah bahasa Malaysia atau di muka 45 naskhah bahasa Inggeris.

Dengan secara ringkas kandungan Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Bahagian I, mengandungi tajuk ringkas, pemakaian, mula berkuatkuasa dan tafsiran.

Bahagian II, membolehkan Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah Akta Ibukota, 1960 menjalankan tugas-tugas dan kuasa-kuasa yang diperihalkan di dalamnya tertakluk, bagaimanapun, kepada kuasa Menteri untuk memberi arahan mengenai dasar perancangan bagi Bandaraya Kuala Lumpur.

Bahagian III, memperihalkan pelan bangunan lengkap atau comprehensive development plan bagi Bandaraya Kuala Lumpur dan juga mengadakan peruntukan-peruntukan bagi menyediakan pelan-pelan susunan atau lay-out plans.

Bahagian IV, menyatakan kandungan acara bagi menyedia dan menerima pelan pembangunan sementara atau interim development plan.

Bahagian V, ialah berkenaan dengan mengawal rancangan atau planning control. Ini ada diterangkan dengan lebih detail lagi di bawah tajuk Huraian Rang Undang-undang ini.

Bahagian VI, ialah berkenaan dengan mengenakan bayaran pembangunan atau development charges. Bayaran-bayaran itu

boleh dikenakan ke atas sesuatu pembangunan yang memerlukan perintah pembangunan diberi kebenaran pembangunan dijalankan walaupun ia melebihi ketumpatan kediaman purata (average residential density), luas lantai atau nisbah pelot (floor area or plot ratio) yang dinyatakan dalam pelan pembangunan itu atau walaupun dia tidak menepati mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam pelan pembangunan itu.

Seseorang yang tidak puas hati dengan perintah pembayaran development charges itu bolehlah merayu kepada sebuah Lembaga Rayuan atau Appeal Board seperti yang diperuntukan di bawah fasal 30 (i) Rang Undang-undang ini.

Bahagian VII, adalah berkenaan dengan menubuhkan Lembaga Rayuan dan keanggotaan Lembaga itu. Kelayakan orang-orang yang boleh dilantik menjadi Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan itu adalah pada asasnya sama dengan yang dinyatakan dalam seksyen 32 Ordinan No. 46 Darurat, 1970. Walaubagaimanapun peruntukan-peruntukan seksyen 32 (7) Ordinan Darurat, 1970 yang mengehendaki keputusan Lembaga Rayuan dibuat dengan undi lebih-suara ahli-ahli yang berkhidmat dalam Lembaga telah dipinda oleh Fasal 33 (8) yang memperuntukkan bahawa Pengerusi adalah pihak-berkuasa untuk memutuskan selepas menimbangkan pendapat-pendapat ahli-ahli lain yang berkhidmat dalam Lembaga itu.

Bahagian VIII, mengadakan peruntukan berkenaan dengan pengambilan tanah dengan suatu pemberitahu pemberian atau purchase notice telah dikemukakan kepada Datuk Bandar, dan juga mengadakan peruntukan berkenaan dengan pembayaran pampasan bagi pengambilan itu.

Di bawah peruntukan Bahagian ini hak tuannya berdaftar atau registered proprietor untuk menukarkan purchase notice adalah ditekankan iaitu jika berkenaan dengan tanahnya satu requisition notice telah dikeluarkan oleh Datuk Bandar, tetapi jika berkenaan dengan tanah yang telah ditolak kebenaran merancang atau jika ia tidak puashati dengan syarat-syarat yang dikenakan atas kemajuan tanahnya itu, hak mengemukakan purchase notice itu telah dipinda iaitu Fasal 34 (1) (a) di bawah Bahagian ini sekarang membenarkan kepada

keseluruhannya tuannya berdaftar mengemukakan purchase notice hanya berkenaan dengan tanah yang ditetapkan dalam pelan pembangunan sebagai tertakluk kepada pengambilan bagi maksud-maksud Akta ini. Berhubung dengan ini ia hendaklah juga mengemukakan bukti bahawa tanahnya tidak dapat digunakan dengan berfaedah.

Bahagian IX, adalah mengandungi peruntukan-peruntukan pelbagai yang diperlukan untuk menjalankan kehendak-kehendak Akta yang berkenaan ini dengan sewajarnya.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya diluluskan usul ini bagi bacaan kali yang kedua.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (Kapar): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong dengan penuh Akta (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur, 1972. Saya berharap dengan adanya Akta ini pelan-pelan yang dikemukakan oleh akitek-akitek dan sebagainya kepada pegawai perancang akan dapat dipercepatkan lagi oleh kerana pada masa-masa yang lampau adalah sangat sukar untuk mendapatkan apa-apa juga kelulusan terutama sekali daripada pihak pegawai perancang. Kita terlebih maklum iaitu sebenarnya pelan-pelan ini adalah mengikut perkara-perkara yang tertentu, tetapi kalau kita fikirkan pula kebanyakannya boleh mengikut cara yang mana kita ingatkan sesuai bagi sesuatu tempat itu; dan tidak payah kita menggunakan seorang yang sebenarnya mahir dalam perkara ini.

Ibaratnya kalau satu pengusaha iaitu developer pembangunan ataupun perumahan memohon satu rancangan, maka mereka ini telahpun berjumpa dengan pihak yang berkenaan iaitu akitek, tetapi apabila permohonan ini sampai ke pihak pegawai perancang, maka pelan-pelan yang dikemukakan ini tidak dapat dipersetujukannya oleh kerana bermacam-macam helah. Ini sebenarnya bukan mengatakan pelan-pelan yang dikemukakan itu tidak sesuai hendak mengikut perkara-perkara yang tertentu, tetapi hendak menunjukkan iaitu pegawai ini menggunakan kuasanya. Kalau perkara ini diberinya teruterang kepada mereka pada pertamanya tidak mereka itu bersusah payah, tetapi apa yang didapati ialah pegawai ini tiap-tiap kali pelan itu dikemukakan ada sahaja salahnya

sehinggakan sampai lima enam kali, memakan masa dalam dua tiga tahun baharulah dapat diluluskan.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di Pertua, saya suka juga membawa di sini iaitu banyak pengusaha-pengusaha telahpun memberi peruntukan iaitu berkenaan dengan tapak bangunannya mengikut kehendak Bandaraya jika satu bangunan itu akan didirikan dan tidak mencukupi car parking facilities. Maka pengusaha ini terpaksa memberi peruntukan kepada Bandaraya, tetapi apa yang kita nampak pada masa ini parking facilities di Bandaraya Kuala Lumpur ini belum cukup lagi. Bukan dikatakan tidak ada, rasa saya cuma ada satu sahaja iaitu di Rodger Street. Pada pendapat saya, kalau kita semak di Bandaraya tentulah duitnya telah diperuntukkan oleh pengusaha-pengusaha ini; dikutip dalam berjuta-juta ringgit. Dengan itu, saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya mengadakan lagi car parking bertingkat-tingkat di Bandaraya Kuala Lumpur ini supaya senang kita berjalan terutama sekali bagi lalu lintas dalam Bandaraya ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di Pertua, iaitu berkenaan dengan levy yang akan dikenakan kepada pengusaha-pengusaha. Di sini saya tidak fahamlah apa-apa levy yang patut dikenakan selain daripada car parking facilities dan sebagainya. Saya berharap jika sekiranya ada tujuan Bandaraya hendak mengenakan levy bagi pembinaan jalan-jalanraya, ataupun bekalan air ataupun sewerage kerana levy itu kalau dikenakan atau diminta sebelum projek itu disiapkan, maka itu akan memakan belanja yang sangat tinggi kerana membuat sebatang jalan bukan cukup dengan \$100,000 tetapi boleh jadi Bandaraya Kuala Lumpur ini akan memakan belanja \$200 atau \$300 ribu pada satu batu. Sekiranya dalam satu perusahaan perumahan ada 10 atau 20 batu jalan, baik ada jalan susur, jalan besar dan sebagainya, tentu itu akan memakan belanja yang banyak. Tentulah seorang pengusaha tidak akan mampu hendak membayar duit dengan sebegitu banyak.

— Saya berharaplah kalau perkara ini dimasukkan dalam levy ini, maka digunakanlah bank guarantee.

Tuan Yang di Pertua, saya adalah menyokong sekali lagi dengan sepenuhnya Akta Perancangan Bandaraya Kuala Lumpur tahun 1972 ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, saya bangun turut sama menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Saya cuma hendak memberikan perhatian kepada Menteri yang berkenaan dan Dewan ini masalah-masalah yang berkaitan hendak memperaturkan Bandaraya Kuala Lumpur ini supaya jadi bandaraya yang cantik sekali, kalau tidak ada dalam Asia ini, di Malaysia. Perkara yang saya hendak bangkitkan, Tuan Yang di Pertua, walaupun kita telah naikkan taraf Kuala Lumpur ini kepada bandaraya dan rakyat di kawasan bandaraya ini satu perkara yang menakutkan terutama sekali berhubung dengan banjir. Tempat yang rendah, tempat yang selalu belum kena banjir, maka Kuala Lumpur sudah kena banjir. Jadi, banjirnya Kuala Lumpur ini akan merusakkan nama baik Malaysia ini bahawa bandaraya yang secantik itu masih rendah dan banjir. Saya fikir, walaupun ada usaha Kerajaan hendak mengatasi, hendak mengelakkan, hendak mendalamkan, hendak membersihkan parit-parit yang ada di kawasan-kawasan yang membanjirkan kawasan bandaraya Kuala Lumpur ini, tetapi saya berpendapat bahawa usaha ini terlampau lambat. Yang anehnya, Tuan Yang di Pertua, yang kena mangsa banjir ini ialah rakyat bumiputra yang kerdil-kerdil. Dua kali dia kena susah. Sekali kena pindah, sekali barang hanyut, sekali lagi hendak memulihkan kehidupannya dalam satu tahun, Tuan Yang di Pertua, bertemu tahun. Jadi keadaan penghidupan orang yang terlibat dengan kawasan banjir ini sentiasa menghadapi kerunsingan dari semasa ke-masa. Jadi, tidak ada ertinya dia duduk dalam kawasan bandaraya ini.

Satu perkara lagi yang saya hendak berikan perhatian kepada Menteri yang berkenaan ialah jalanraya di Kuala Lumpur iaitu Jalan Tuanku Abdul Rahman, tetapi jalan ini belum boleh melambangkan satu jalan yang begitu baik tarafnya, sebab kita tengok bukan sahaja jalannya kecil dengan tidak dihiaskan dengan bunga-bunga, di kiri kanan jalan itu juga masih ada lagi gobok-gobok buruk, rumah yang lama-lama. Majlis Bandaraya ini takut hendak menguatkuasakan supaya rumah yang lapuk tidak boleh digunakan itu dirobohkan diganti dengan bangunan lain. Jadi masalah ini lama di-

sungutkan oleh rakyat dalam kawasan bandaraya Kuala Lumpur dan juga dalam Dewan ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di Pertua, bandaraya Kuala Lumpur tadi, saya katakan hendak jadi satu bandar yang cantik menyontohkan bandaraya di Malaysia, tetapi setakat ini tulisan-tulisan yang ada di kedai-kedai dalam bandaraya Kuala Lumpur ini, kedai yang didirikan dalam tanahair Malaysia belum lagi menunjukkan wataknya kedai yang dibangunkan di Malaysia. Walaubagaimanapun, saya fikir Kementerian ini akan berusaha hendak memujuk pekedai-pekedai itu supaya menukar tulisan-tulisan di Kedai itu yang boleh mencurakkan tulisan kedai itu kedai dibangunkan di negara Malaysia. Usaha ini kalau tidak boleh kita dengan jalan pujuk, bawa satu Rang Undang-undang ke dalam Dewan ini, saya sebagai wakil rakyat akan menyokongnya, sebab kita mahu Kuala Lumpur ini jadi satu bandar yang cantik yang mencorakkan bandar Malaysia. Kenapa manusia ini degil dia mewah hidup duduk di Malaysia tetapi bangunan yang didirikan atas bumi Malaysia mereka tidak sanggup mencorakkan merupakan bangunan itu bangunan Malaysian.

Yang keempat, Tuan Yang di Pertua, di bandaraya ini satu usaha Kerajaan Perbadanan Kerajaan yang bernama UDA, saya hendak tahu setakat mana UDA ini diberikan kerjasama oleh Majlis Bandaraya. UDA ini, tujuannya ialah hendak memberi peluang kepada bumiputra berniaga sama tarafnya dengan orang-orang yang bukan bumiputra. Bukan berniaga air batu, bukan berniaga kacang putih, berniaga yang besar-besar yang sama tarafnya dengan bangsa-bangsa asing. Saya hendak tahu setakat mana bandaraya ini telah memberi kerjasama kepada Badan ini? Dan saya fikir bagi pihak Dewan-dewan Perniagaan Melayu tidak kurang daripada menghendaki bangunan atau pertolongan daripada UDA ini untuk menjalankan perniagaan dan perusahaan-perusahaan yang bercorak besar itu.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, bandaraya Kuala Lumpur ini juga kalau waktu malam penuh dengan kuturayau, macam-macam ada. Hal yang macam ini hendaklah dibentangkan sebuah Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri

Kebajikan Masyarakat berhubung dengan hendak melindungi wanita-wanita. Di bandaraya Kuala Lumpur ini juga banyak dengan pelacur-pelacur yang merayau-rayau walau tindakan dibuat tetapi tidak juga dapat diatasi masalaah ini. Ini juga akan mencerminkan ketidak moleknnya bandaraya Kuala Lumpur ini. Kalau hendak merayau-rayau, janganlah berlebih-lebihan sangat yang boleh menjolok mata khasnya pelancong-pelancong yang datang ke Kuala Lumpur ini yang merayau-rayau ini bahkan termasuk orang laki-laki. Ini satu masalaah yang tidak ada di negeri lain, tetapi ada di negeri kita (*Ketawa*).

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, sekiranya bangunan-bangunan ini akan didirikan, bangunan akan datang akan didirikan di bandaraya Kuala Lumpur ini saya mengharapkan jurutera negeri kita ini dengan nasihat Kementerian ini supaya menteraskan bangunan itu dengan berteraskan corak bangunan yang berwatak Malaysia hatta yang di atas bumbung bangunan itu kalau ditaruh bumbung, Tuan Yang di Pertua, tidak akan menjadi cacat, dapatlah kita kenal bahawa bangunan itu walau dibangunkan oleh pemodal-pemodal luar negeri, tetapi dapat kita tahu bahawa bangunan ini ada mencorakkan bangunan yang berwatak Malaysia. Hatta bumbungnya sedikit sahaja kita taruh di atas bangunan itu pun memadai, puas hati bagi rakyat seluruh Malaysia ini.

Saya fikir setakat inilah sahaja, Tuan Yang di Pertua, yang dapat saya berikan pandangan kepada Kementerian yang berkenaan, mudah-mudahan mendapat perhatian. Terima kasih.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini. Nasib kita tak baik, oleh kerana Kuala Lumpur telah didirikan semasa penjajah dahulu. Orang Inggeris berfikir apa dia peduli berkenaan dengan planning pekan Kuala Lumpur ini pada masa itu. Ini adalah sebuah pekan ditanahair kita, bukan London, bukan New York, tetapi ini adalah Kuala Lumpur. Pada masa itu Kuala Lumpur sebuah pekan yang cukup kecil, jadi tak pedulilah, buat jalan ke sana, buat jalan ke mari, jalan pun tak besar, tak lebar, bangunan pun buat secara apa sahaja. Pada masa itu nasib kita tak baik, oleh kerana kita orang Melayu belum lagi merdeka. Masa itu

Tuan Yang di Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok. Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 petang.